



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PERAK
SIRI 2**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI PERAK
SIRI 2



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Perak
28	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK Pengurusan Bantuan Am
40	MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG Pengurusan Projek Lanskap Dan Pengindahan Bandar
54	MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR MAJLIS DAERAH SELAMA Pengurusan Perolehan
79	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan/Pejabat dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan dan Agensi Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara Malaysia

Putrajaya

25 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

- Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Perak

1.1. Sumber air didefinisikan sebagai punca air yang boleh digunakan atau berpotensi untuk digunakan oleh manusia. Sumber air boleh dibahagikan kepada air permukaan dan air bawah tanah. Air permukaan adalah air yang mengalir di permukaan bumi seperti sungai, tasik, kolam, empangan, air laut dan sebagainya. Air bawah tanah pula terdiri daripada telaga, mata air dan sebagainya.

1.2. Sehingga akhir tahun 2014, mengikut Minit Mesyuarat Bil.1/2015 Jawatankuasa Kerja Majlis Sumber Air Negeri Perak, keluasan negeri Perak adalah 21,005 kilometer persegi, jumlah penduduk seramai 2,459,900, luas kawasan tadahan air adalah 11,098 kilometer persegi, 2 buah empangan, sumber utama air mentah adalah 40% daripada Sungai Perak, 45 buah loji, kapasiti loji rawatan air adalah 1,793 juta liter sehari (JLH), purata pengeluaran harian adalah sebanyak 1,252 JLH, purata penggunaan harian adalah sebanyak 875 JLH, bilangan tangki simpanan air sebanyak 169 buah, bilangan tangki air menara adalah 198 buah dan panjang paip 11,325 kilometer.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati kualiti dan kuantiti bekalan air mentah untuk penduduk adalah baik dan mencukupi. Manakala aspek pengurusan lembangan sungai, pewartaan kawasan tadahan, pelesenan dan penguatkuasaan, hasil sumber air dan tadbir urus adalah memuaskan. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti dan wajar ditambah baik adalah seperti berikut:

- Tiada data atau kajian mengenai permintaan dan bekalan air mentah sebenar untuk kegunaan penduduk, industri, pertanian dan perikanan bagi memantau anggaran permintaan pada masa hadapan.
- Terdapat penurunan kualiti air di muka sauk pada musim hujan dan pembentukan sedimen di kawasan tadahan air.
- Pengurusan lembangan sungai bersepada adalah kurang memuaskan kerana belum dilaksanakan sepenuhnya dan tiada garis panduan disediakan.
- Prestasi pewartaan kawasan tadahan air adalah 44.4% dan masih belum mencapai sasaran yang dirancang.
- Aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan terhadap sumber air tanah kurang berkesan kerana terdapat lesen tidak dibaharui, lesen tidak dikeluarkan, kadar caj lesen air tidak seragam, permohonan lesen tidak mengikut peraturan dan tiada penguatkuasaan terhadap kesalahan tanpa lesen.

- Terdapat syarikat yang menggunakan sumber air tanah masih belum dikenakan caj dan kuantiti penggunaan air tanah dikira oleh syarikat itu sendiri.
- Badan kawal selia air yang berfungsi untuk mentadbir, mengurus, dan menguatkuasakan undang-undang masih belum wujud.

1.4. Bagi meningkatkan pelaksanaan pengurusan kawal selia air di Negeri Perak adalah disyorkan agar Kerajaan Negeri dengan segera menubuhkan sebuah badan kawal selia air untuk mengawal sumber air negeri yang bertanggungjawab untuk merancang, mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan perundangan bagi memastikan sumber air mentah adalah sentiasa mencukupi sehingga masa hadapan dan berkualiti untuk kegunaan rakyat.

2. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK

- Pengurusan Bantuan Am

2.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak (Jabatan) adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tertakluk kepada Senarai III, Perkara 95B(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Antara objektif Jabatan ialah untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Jabatan, membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari, mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak bertanggungjawab mengendali dan mengurus bantuan kewangan Negeri dan Persekutuan. Skim bantuan Negeri meliputi Bantuan Am, Bantuan Bencana dan Bantuan Bina/Baiki Rumah manakala skim bantuan Persekutuan pula terdiri daripada Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU)/Pesakit Terlantar, OKU Tidak Berupaya Bekerja dan juga Bantuan Sekali gus. Bagi tahun 2013 hingga 2015, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM70.70 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM7.65 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati pengurusan bantuan am adalah baik daripada segi pencapaian prestasi perbelanjaan dan sasaran bilangan penerima yang diberikan bantuan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan program yang perlu ditambah baik seperti berikut:

- Penggunaan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah rendah.
- Lewat meluluskan permohonan bantuan am.
- Kelulusan bantuan am melebihi had yang dibenarkan.
- Bantuan Sekolah dibayar tanpa permohonan dan borang yang lengkap.

2.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan bantuan am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Mengkaji semula kadar pemberian bantuan am dan paras pendapatan garis kemiskinan yang digunakan semasa penilaian kelayakan pemberian bantuan am supaya lebih relevan dengan keadaan semasa.

2.3.2. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah perlu memastikan tempoh memproses permohonan bantuan am dipertingkatkan supaya keputusan dapat dibuat dengan segera dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3. MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

- Pengurusan Projek Lanskap Dan Pengindahan Bandar

3.1. Majlis Perbandaran Manjung (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1980 di bawah Seksyen 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis telah mendapat status Majlis Perbandaran pada 1 Ogos 2001 dan telah menetapkan visinya untuk menjadikan daerah Manjung sebagai ‘Bandar Pelancongan dan Maritim’ yang maju, progresif, makmur dan terunggul. Majlis adalah komited untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, telus dan efisien ke arah perbandaran yang kondusif, selamat dan harmoni berteraskan pembangunan mampan. Oleh itu, Majlis bertanggungjawab merancang serta melaksanakan projek lanskap dan pengindahan bandar di kawasan perbandaran Manjung iaitu Sitiawan, Lumut, Pangkor, Ayer Tawar, Seri Manjung dan Beruas.

3.2. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, projek pembangunan serta naik taraf lanskap dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis. Manakala kerja penyenggaraan lanskap dijalankan oleh Majlis atau kontraktor yang dilantik. Lampu taman dan lampu hiasan serta bekalan seperti pokok, benih, baja dan peralatan pertanian bagi lanskap lembut diperoleh daripada pembekal luar. Jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Majlis untuk pengurusan projek lanskap dan pengindahan bandar bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing berjumlah RM2.37 juta, RM2.60 juta dan RM3.52 juta.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek lanskap dan pengindahan bandar Majlis Perbandaran Manjung adalah memuaskan daripada aspek prestasi penyenggaraan pokok teduhan, prestasi kerja penyenggaraan taman permainan dan pengurusan aduan awam. Namun pengurusannya masih boleh dipertingkatkan kerana kelemahan berikut:

- Keadaan lanskap kejur dan lembut kurang memuaskan seperti alat permainan kanak-kanak di kawasan perumahan dan taman awam rosak tidak disenggara, perbuatan vandalisme serta lampu hiasan tidak berfungsi/menyala.

3.4. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan projek landskap dan pengindahan bandar, pihak Majlis adalah disyorkan supaya mengambil tindakan berterusan dengan melaksanakan penyenggaraan dan pemantauan secara berkala terhadap kerja penyenggaraan, pencahayaan dan landskap bagi memastikan kawasan perbandaran Manjung sentiasa indah dan ceria.

4. MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

MAJLIS DAERAH SELAMA

- Pengurusan Perolehan

4.1. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dan Majlis Daerah Selama (MDS) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk juga kepada Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Antara tanggungjawab MPKK dan MDS ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Setiap Jabatan di kedua-dua Majlis bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti, berekonomi, keberkesanan dan kecekapan selain daripada mengambil kira kepentingan Kerajaan agar terjamin. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender.

4.2. Selain daripada menggunakan peruntukan sendiri, MPKK dan MDS turut menerima sumber peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan perolehan. Pada tahun 2013 hingga 2015, kedua-dua Majlis telah membuat perolehan secara sebut harga dan pembelian terus. Hanya MPKK melaksanakan 2 perolehan secara tender pada tahun 2015.

4.3. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan MPKK adalah kurang memuaskan. Manakala pengurusan perolehan MDS adalah memuaskan. Kesemua Jawatankuasa yang diperlukan seperti Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan di MPKK dan MDS. Manakala perolehan tender dan sebut harga bagi perolehan kerja dan bekalan di MPKK dan MDS telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan berkaitan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh kedua-dua Majlis adalah seperti berikut:

- Kualiti kerja pembinaan, bekalan dan pemasangan kurang memuaskan dari aspek tiada arahan perubahan kerja bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan di luar skop.
- Kelemahan pengurusan kontrak.
- Penggunaan kemudahan yang dibina tidak digunakan dan disenggara.

4.4. Bagi meningkatkan urusan perolehan yang diamanahkan dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan, MPKK dan MDS perlu mengambil tindakan segera untuk membuat penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

4.4.1. Memastikan semua perolehan kerja dipantau dan diperiksa dengan teliti agar kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan segala perubahan kerja daripada segi pertambahan, pengurangan atau penggantian perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengguna, dibuat secara bertulis dan hendaklah mematuhi kehendak peraturan yang berkuat kuasa.

4.4.2. Memastikan semakan dan pengesahan siap kerja dibuat dengan teliti oleh Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kewangan sebelum setiap bayaran diluluskan kepada kontraktor atau pembekal.

4.4.3. Memastikan setiap projek yang telah siap dibina, disenggara agar dapat digunakan secara optimum, keselamatan pengguna tidak terjejas dan memanjangkan jangka hayat kemudahan tersebut.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI


UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

1. PENGURUSAN KAWAL SELIA SUMBER AIR NEGERI PERAK

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Sumber air didefinisikan sebagai punca air yang boleh digunakan atau berpotensi untuk digunakan oleh manusia. Sumber air boleh dibahagikan kepada air permukaan dan air bawah tanah. Air permukaan adalah air yang mengalir di permukaan bumi seperti sungai, tasik, kolam, empangan, air laut dan sebagainya. Air bawah tanah pula terdiri daripada telaga, mata air dan sebagainya.

1.1.2. Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen telah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dengan memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) pada tahun 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia industri perkhidmatan air dari segi pelesenan dan operator perkhidmatan dengan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada bulan Januari 2008. Kerajaan Negeri pula mengekalkan kuasanya terhadap sumber air, kawasan tadahan air dan lembangan sungai. Bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ditunjukkan di **Rajah 1.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.1.3. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bertanggungjawab terhadap pengurusan kawal selia air negeri Perak. Aspek pelaksanaan dan pemantauan pula dijalankan oleh pelbagai jabatan dan agensi mengikut fungsi masing-masing meliputi aspek kualiti, kuantiti, keselamatan kawasan tadahan air dan pelesenan bagi pengeluaran air bawah tanah.

1.1.4. Sehingga akhir tahun 2014, mengikut Minit Mesyuarat Bil.1/2015 Jawatankuasa Kerja Majlis Sumber Air Negeri Perak, keluasan negeri Perak adalah 21,005 kilometer persegi, jumlah penduduk seramai 2,459,900, luas kawasan tadahan air adalah 11,098


kilometer persegi, 2 buah empangan, sumber utama air mentah adalah 40% daripada Sungai Perak, 45 buah loji, kapasiti loji rawatan air adalah 1,793 juta liter sehari (JLH), purata pengeluaran harian adalah sebanyak 1,252 JLH, purata penggunaan harian adalah sebanyak 875 JLH, bilangan tangki simpanan air sebanyak 169 buah, bilangan tangki air menara adalah 198 buah dan panjang paip 11,325 kilometer.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kawal selia sumber air diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.3.1. Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan sumber air di negeri Perak khususnya untuk kegunaan domestik dan industri bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala data kualiti air adalah bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2015. Skop pengauditan adalah seperti di **Rajah 1.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen seperti pewartaan dan lesen air serta abstraksi air bawah tanah, analisis data kualiti dan kuantiti air mentah daripada UPEN, Lembaga Air Perak (LAP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan serta Operator Loji Rawatan Air. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat serta lawatan ke kawasan tадahan air, loji rawatan air, kilang, ladang, tasik, lombong bijih besi dan hutan simpan kekal turut dijalankan di Daerah Larut Matang Dan Selama, Manjung, Hilir Perak, Tapah, Muallim, Gerik, Hulu Perak dan Kuala Kangsar.

1.3.3. *Exit Conference* bersama Pengarah UPEN, Pegawai Daerah Manjung dan Muallim, Pengurus Besar Stesen Jana elektrik Sungai Perak serta wakil dari Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), LAP, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jabatan Perhutanan, JAS, Jabatan Mineral dan Geosains, Majlis Keselamatan

Negara, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Cawangan Perak), Pengurusan Aset Air Berhad dan 6 Pejabat Daerah dan Tanah; Larut Matang Selama, Kuala Kangsar, Kinta, Kerian, Kampar dan Batang Padang telah diadakan pada 11 Ogos 2016. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil Pegawai Kewangan Negeri dan wakil Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati prestasi kualiti dan kuantiti bekalan air mentah untuk penduduk adalah baik dan mencukupi. Manakala aspek pengurusan lembangan sungai, pewartaan kawasan tadahan, pelesenan dan penguatkuasaan, hasil sumber air dan tadbir urus adalah memuaskan. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti dan wajar ditambah baik adalah seperti berikut:

- Tiada data atau kajian mengenai permintaan dan bekalan air mentah sebenar untuk kegunaan penduduk, industri, pertanian dan perikanan bagi memantau anggaran permintaan pada masa hadapan.
- Terdapat penurunan kualiti air di muka sauk pada musim hujan dan pembentukan sedimen di kawasan tadahan air.
- Pengurusan lembangan sungai bersepadu adalah kurang memuaskan kerana belum dilaksanakan sepenuhnya dan tiada garis panduan disediakan.
- Prestasi pewartaan kawasan tadahan air adalah 44.4% dan masih belum mencapai sasaran yang dirancang.
- Aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan terhadap sumber air tanah kurang berkesan kerana terdapat lesen tidak dibaharui, lesen tidak dikeluarkan, kadar caj lesen air tidak seragam, permohonan lesen tidak mengikut peraturan dan tiada penguatkuasaan terhadap kesalahan tanpa lesen.
- Terdapat syarikat yang menggunakan sumber air tanah masih belum dikenakan caj dan kuantiti penggunaan air tanah dikira oleh syarikat itu sendiri.
- Badan kawal selia air yang berfungsi untuk mentadbir, mengurus, dan menguatkuasakan undang-undang masih belum wujud.

1.4.1. Prestasi Pengurusan Kawal Selia Air

Prestasi pengurusan kawal selia air dinilai daripada aspek kuantiti dan kualiti sumber air mentah. Pengukuran aspek kuantiti dikira sama ada sumber air tersebut mencukupi untuk menampung keperluan permintaan bagi tempoh jangka masa panjang. Manakala, pengukuran kualiti air mentah dibuat berdasarkan Indeks Kualiti Air Negara dan Garis Panduan Kawalan Kualiti Air Minuman. Semakan Audit mendapati aspek kuantiti bekalan air mentah untuk kegunaan penduduk dan kualiti air adalah baik walaupun terdapat tanda-tanda

penurunan kualiti air mentah dan pembentukan sedimen di kawasan tadahan air. Namun, tiada data menyeluruh tentang kuantiti bekalan sumber air mentah daripada lembangan sungai. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut.

1.4.1.1. Kuantiti Sumber Air Mentah

Mengikut rekod LAP, sumber air mentah negeri Perak berpunca daripada 9 lembangan sungai dengan keluasan tadahan air seluas 11,590 km persegi. Seluas 10,552 km persegi atau 91% dari kawasan tadahan tersebut berada dalam kawasan Lembangan Sungai Perak. Terdapat 57 muka sauk berada di lembangan sungai tersebut dengan kapasiti loji sebanyak 1,814 jumlah liter sehari (JLH). Senarai lembangan, kapasiti loji dan keluasan setakat tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 1.1**.


Jadual 1.1
Senarai Lembangan, Kapasiti Loji dan Keluasan Setakat Tahun 2015

Bil.	Lembangan Sungai	Luas Kawasan Tadahan (km persegi)	Bilangan Muka Sauk	Kapasiti Loji (JLH)
1.	Sungai Perak	10,553	33	1,378
2.	Sungai Kurau	625	4	180
3.	Sungai Bernam	206	4	93
4.	Sungai Kerian	116	3	18
5.	Sungai Terong	28	2	9
6.	Sungai Jarum Manis	21	2	65
7.	Sungai Beruas	19	2	11
8.	Sungai Larut	18	5	25
9.	Sungai Sepetang	4	2	35
Jumlah		11,590	57	1,814

Sumber: Lembaga Air Perak

- a. Semakan Audit mendapati tiada data atau maklumat terhadap permintaan dan bekalan air mentah sebenar untuk kegunaan penduduk, industri, pertanian dan perikanan bagi memantau anggaran permintaan pada masa hadapan. Bagaimanapun, mengikut unjuran LAP kapasiti bekalan air negeri adalah mencukupi untuk permintaan penduduk sehingga tahun 2050. Begitu juga Kajian Sumber Air Negara (Tahun 2000-2050) menunjukkan bekalan air adalah memenuhi keperluan penduduk bagi tahun 2010 hingga 2050. Penjelasan seterusnya adalah seperti berikut:
 - i. Mengikut unjuran bekalan dan permintaan air setiap tahun yang dibuat oleh LAP dan semakan semula setiap 5 tahun menunjukkan kuantiti bekalan adalah mencukupi untuk permintaan jangka masa panjang seperti di **Carta 1.1**. Graf tersebut menunjukkan bekalan dan permintaan air mentah sebenar pada tahun 2015 berada pada paras yang sama iaitu 1,258 JLH. Manakala, kapasiti loji LAP sebenar pada tahun yang sama adalah 1,814 JLH. Begitu juga pada tahun 2050 permintaan dan bekalan juga berada pada paras yang sama berbanding kapasiti loji melebihi permintaan dan bekalan tersebut. Unjuran tersebut tidak termasuk permintaan air bagi aktiviti pertanian.

Carta 1.1
Unjuran Permintaan Air Untuk 50 Tahun Bagi Tahun 2001 Hingga 2050



Sumber: Lembaga Air Perak

- ii. Analisis Audit terhadap unjuran tersebut mendapati pada tahun 2011 hingga 2015 bekalan air sebenar adalah antara 1,108 hingga 1,258 JLH berbanding kapasiti loji antara 1,826 dan 1,885 JLH. Unjuran ini menunjukkan kapasiti loji melebihi bekalan sebenar antara 613 dan 718 JLH. Begitu juga permintaan sebenar adalah antara 1,108 dan 1,258 JLH berbanding unjuran bekalan antara 1,191 dan 1,334 JLH juga menunjukkan lebihan bekalan sebenar antara 61 dan 83 JLH. Butiran lanjut mengenai unjuran permintaan oleh LAP bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.2**.


Jadual 1.2
Unjuran Permintaan Oleh LAP Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Tahun	Bekalan Air Mentah (JLH)			Permintaan Air Mentah (JLH)		
	Unjuran	Sebenar	Perbezaan	Unjuran	Sebenar	Perbezaan
2011	1,826	1,108	718	1,191	1,108	83
2012	1,826	1,157	669	1,226	1,157	69
2013	1,826	1,199	627	1,260	1,199	61
2014	1,846	1,233	613	1,297	1,233	64
2015	1,885	1,258	627	1,334	1,258	76

Sumber: Lembaga Air Perak

- iii. Analisis trend 5 tahun menunjukkan unjuran bekalan pada tahun 2011 hingga 2013 adalah 1,826 JLH dan meningkat pada tahun 2014 kepada 1,846 JLH dan 1,885 JLH tahun 2015 namun, kapasiti loji LAP masih melebihi bekalan dan permintaan sebenar seperti di **Carta 1.2**. Adalah diperhatikan semasa lawatan Audit mendapati 15 loji LAP telah dinaiktaraf kapasiti bekalan air mentahnya untuk memenuhi keperluan semasa penduduk.

Carta 1.2
Unjuran Bekalan dan Permintaan Sebenar Bagi Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Lembaga Air Perak

- iv. Kajian Sumber Air Negara (2000–2050) oleh Ranhill Consulting Sdn. Bhd. adalah meliputi aspek perancangan, pembangunan, polisi, faktor kewangan dan pengurusan alam sekitar yang meliputi keperluan air untuk penduduk, domestik, industri, perdagangan, institusi, pertanian, penternakan dan perikanan. Berdasarkan kajian tersebut, pada tahun 2050 bilangan penduduk negeri Perak (peringkat tinggi) adalah 3.89 juta orang seperti di **Jadual 1.3** dengan permintaan air sebanyak 2,239 JLH. Mengikut unjuran LAP, kapasiti bekalan air loji LAP pada tahun 2050 adalah sebanyak 2,665 JLH masih melebihi permintaan tersebut seperti di **Jadual 1.4**. Permintaan air tersebut tidak meliputi keperluan air bagi aktiviti pertanian seperti tanaman padi, bukan tanaman padi, penternakan dan perikanan.

Jadual 1.3
Bilangan Penduduk dan Permintaan Air Mentah Tahun 2010 hingga 2050

Tahun	Bilangan Penduduk (Juta)			Permintaan Air (JLH)		
	Rendah	Pertengahan	Tinggi	Rendah	Pertengahan	Tinggi
2010	2.28	2.44	2.41	987	1.06	1.06
2020	2.54	2.81	2.88	1.14	1.31	1.39
2030	2.73	3.00	3.32	1.28	1.46	1.68
2040	2.88	3.18	3.61	1.42	1.64	1.95
2050	2.98	3.29	3.89	1.57	1.81	2.24

Sumber: Kajian Sumber Air Negara Tahun 2000-2050

Jadual 1.4
Permintaan Dan Bekalan Air Mentah Pada Tahun 2010 Hingga 2050

Tahun	Permintaan Air Mentah (JLH)	Kapasiti Bekalan Air Mentah (JLH)	Beza (JLH)
2010	1,058	1,808	750
2020	1,385	2,093	708
2030	1,683	2,288	605
2040	1,945	2,638	693
2050	2,239	2,665	426

Sumber: Kajian Sumber Air Negara Tahun 2000–2050 dan Kajian Unjuran LAP 2016

- v. Namun, mengikut kajian JPS, sumber air Sungai Kerian dan kolam Bukit Merah tidak mampu menampung permintaan masa depan. Ini berasaskan Kolam Bukit Merah menghadapi tekanan bekalan kepada Jelapang Padi Negara Kerian yang diunjurkan meningkatkan hasil padi daripada 4 tan sehektar kepada 8 tan sehektar menjelang 2020. Faktor lain yang memerlukan bekalan daripada sumber air yang sama adalah seperti berikut:
- Pertumbuhan sektor pelancongan dan akuakultur yang memerlukan bekalan air secukupnya.
 - Pembangunan Kawasan Utara Negeri Perak, Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan *West Coast Expressway* sedang dalam pembinaan.
 - Permohonan bekalan air mentah daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - Keupayaan bekalan Sungai Muda, Kedah akibat pembangunan pesat negeri-negeri Utara Semenanjung.
- vi. **Mengikut maklum balas LAP pada 29 Jun 2016, berdasarkan unjuran yang dibuat, kapasiti bekalan air adalah mencukupi untuk permintaan penduduk sehingga tahun 2050.**

Pada pendapat Audit, pengurusan bekalan air untuk kegunaan penduduk adalah baik kerana mencukupi bagi jangka masa panjang. Namun, masih tiada data mengenai permintaan dan bekalan air mentah sebenar untuk pemantauan masa hadapan terutamanya bagi bekalan air untuk kegunaan aktiviti pertanian di kawasan utara Negeri Perak.

1.4.1.2. Kualiti Sumber Air Mentah

Pengukuran kualiti air mentah oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berdasarkan Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) dan Garis Panduan Kawalan Kualiti Air Minuman oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Parameter IKAN adalah mengikut kelas iaitu kelas I peratus julat antara 92.8% hingga 100% menunjukkan sumber air yang asli, kelas IIA dan IIB (76.6-92.8%) berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan biasa diperlukan untuk tujuan tersebut, kelas III (52.5–76.6%) berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut, kelas IV (29.7– 52.5%) tujuan pengairan sahaja dan kurang 29.7% tiada kegunaan. Manakala Garis Panduan Kawalan Kualiti Air Minuman menetapkan kualiti air minuman mengikut kumpulan yang berasaskan ujian fizikal (kumpulan I), kimia (kumpulan II), kimia lanjut (kumpulan III) dan mikrobiologi (kumpulan IV). Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Trend Kualiti Air Sungai

Setiap tahun JAS menganalisis sampel air mentah di 90 stesen pengawasan kualiti air sungai yang terletak di 7 kawasan lembangan sungai. Analisis Audit bagi tahun 2006 hingga 2015 mendapati perkara seperti berikut:

- i. Kualiti air mentah bagi semua lembangan sungai adalah dalam kelas IIA dan IIB kecuali Sungai Kerian dan Manjung berada pada kelas III dan IIB serta IIA iaitu dengan bacaan julat 71% hingga 81%. Namun, pada tahun 2015 semua lembangan sungai tersebut berada pada kelas IIB dan IIA kecuali Sungai Manjung masih pada tahap kelas III. Ini menunjukkan sungai-sungai tersebut berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan biasa diperlukan untuk tujuan tersebut kecuali Sungai Manjung perlu rawatan lanjut. Butiran selanjutnya mengenai Indeks kualiti air lembangan sungai bagi tahun 2006 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.5**.


Jadual 1.5
Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Bagi Tahun 2006 Hingga 2015

Lembangan Sungai	Negeri	Indeks Kualiti Air (WQI)									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Kerian	Perak/P.Pinang	71	70	76	77	76	79	77	76	81	81
Kurau	Perak	83	85	83	85	84	83	83	86	84	86
Sepetang	Perak	78	83	83	82	81	85	86	87	85	87
Beruas	Perak	87	83	83	86	87	85	85	86	88	86
Manjung	Perak	75	73	72	72	70	67	73	80	79	76
Perak	Perak	81	79	80	80	79	81	84	82	82	83
Bernam	Perak/Selangor	89	84	85	84	83	89	87	90	91	88

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

- ii. Secara purata bagi tempoh 10 tahun, analisis Audit mendapati trend kualiti air bagi 5 lembangan sungai adalah baik kerana kekal dalam kelas IIA dan IIB iaitu bersih. Begitu, juga trend kualiti air bagi Sungai Kerian dan Manjung adalah meningkat dari kelas III (separa tercemar) kepada kelas II (bersih) pada tahun 2013 hingga 2015 kecuali Sungai Manjung menurun kepada kelas (III). Butiran selanjutnya adalah seperti di **Carta 1.3**. Lembangan Sungai Manjung digunakan bukan untuk tujuan minuman tetapi bagi aktiviti pertanian dan perikanan.

Carta 1.3
Trend Indeks Kualiti Air Mentah Lembangan Sungai
Bagi Tahun 2005 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

b. Program Kawalan Kualiti Air Minum

Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan (KMAM) dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak (JKN) untuk menentukan kualiti air minuman. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Setiap tahun JKN melakukan ujian sampel air mentah di semua 45 muka sauk bagi menentukan kualiti air mentah. Hasil daripada ujian tersebut dilaporkan dalam Laporan Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan. Pada tahun 2013 terdapat 16,218 sampel ujian air, tahun 2014 (17,831) dan tahun 2015 (17,430) bagi kumpulan I hingga IV. Berasaskan sampel tersebut, analisis Audit mendapati pelanggaran kualiti air mentah pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing sebanyak 849 atau 5.23%, 1,011 atau 5.67% dan 1,554 atau 8.91%.
- Analisis Audit selanjutnya terhadap sampel bagi kumpulan I (*total coliform*, *E. coli*, kekeruhan, warna dan pH) di setiap daerah seperti di **Jadual 1.6** mendapati punca pelanggaran kualiti air mentah disebabkan kandungan bakteria terdiri daripada *total coliform* dan *E. coli* melebihi had parameter ditetapkan. Namun, di peringkat air terawat adalah bersih dan sesuai untuk bekalan air pengguna.

Jadual 1.6
Statistik Sampel Ujian Kualiti Air Mentah Kumpulan 1 Mengikut Daerah
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Total Coliform		E. coli		Kekeruhan		Warna		pH	
	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B
Kinta	348	66	348	2	359	0	0	0	359	0
Kerian	292	56	292	1	310	5	205	4	310	13
Kuala Kangsar	1,067	378	1,067	26	1,063	0	0	0	1,064	0
Manjung	117	33	117	2	155	0	0	0	155	0
Kampar	310	123	310	10	310	0	0	0	310	0
Hilir Perak	146	78	146	11	155	0	0	0	155	0
Perak Tengah	662	253	667	24	763	26	5	5	764	3
Hulu Perak	918	331	918	16	1,120	12	0	0	1,121	1
Larut Matang & Selama	1,863	782	1,863	74	1,921	43	0	0	1,921	5
Batang Padang	1,077	442	1,077	24	1,085	0	264	0	1,085	70
Jumlah	6,800	2,542	6,805	190	7,241	86	474	9	7,244	92

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Nota: A - Bilangan Ujian B - Bilangan Pelanggaran

- iii. Mengikut Program Kajian Kebersihan yang dilakukan oleh JKN pada tahun 2013 hingga 2015 di sekitar kawasan sumber air mendapati kandungan bakteria *total coliform* dan *E. coli* dalam sampel air mentah adalah berpunca daripada aktiviti manusia, penternakan haiwan dan pertanian.

c. Program Kajian Kebersihan

Program kajian kebersihan dilakukan oleh JKN adalah bagi mengawasi mutu bekalan air minum. Melalui program ini JKN dapat mengenal pasti punca pencemaran dan masalah di kawasan tadahan, tahap kualiti air mentah dan terawat, pelaksanaan operasi dan penyenggaraan loji dan pencemaran dalam sistem retikulasi atau agihan kepada pengguna. Semakan Audit terhadap Laporan Tahunan Kajian Kebersihan tahun 2013 hingga 2015 bagi negeri Perak mendapati perkara seperti berikut:

- i. Pada tahun 2013 hingga 2015, Unit Kejuruteraan JKN telah melakukan pemeriksaan terhadap kualiti air mentah di 42 daripada 45 muka sauk. Hasil pemeriksaan tersebut mendapati kualiti air mentah di 10 muka sauk telah dikesan berlaku pelanggaran kualiti air mentah yang berpunca daripada aktiviti pembalakan haram, pengorekan pasir, pembuangan sampah, memancing, pertanian dan penternakan. Laporan tersebut juga mencatatkan terdapat kayu patah dan reput di kawasan loji. Selain itu, terdapat juga alga dan tumbuhan akuatik yang tumbuh di dinding kolam dan *baffle wall*.
- ii. Pihak JKN telah melaporkan kepada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi rekod Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) dengan mengesyorkan beberapa perkara seperti berikut:

- Pembangunan di kawasan tadahan air atau berhampiran dengan kawasan sumber air perlu mendapat kelulusan *Environmental Impact Assessment (EIA)*. Kawasan tersebut juga perlu dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar agar pencemaran dapat dikawal.
- Pemantauan terhadap bahan buangan kilang yang mengalir dan mencemarkan sumber air terutama kilang yang terletak di kawasan tadahan air dan berhampiran dengan kawasan aliran air ke muka sauk hendaklah dilakukan.
- Kawalan kebersihan terhadap projek ternakan haiwan seharusnya disusun semula oleh pihak berkuasa supaya mewajibkan air kumbahan dirawat terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke dalam sungai.
- Pihak yang bertanggungjawab seharusnya menyediakan kemudahan pembuangan sampah berjadual di kawasan kampung agar dapat dilupuskan dengan baik.
- Memindahkan kawasan muka sauk Kampung Gajah ke kawasan sumber air yang lebih baik disebabkan ia berhampiran kawasan kampung dan terdapat ternakan lembu dan kerbau.

1.4.1.3. Penurunan Kualiti Air Di Muka Sauk

Pada bulan September dan Oktober 2015 ujian kualiti air mentah Sungai Kangsar mencatatkan kekeruhan pada paras 500 hingga 2000 NTU. Kekeruhan tersebut mengakibatkan loji LAP di Padang Rengas, Kuala Kangsar ditutup sebanyak 13 kali selama 125 jam. Semakan Audit mendapati punca kekeruhan disebabkan perkara-perkara seperti berikut:

- a. Pembangunan tanah di kawasan Sungai Siput melibatkan pembinaan jalan dari Pos Legap ke Pos Peswor, pembukaan tanah untuk penanaman getah seluas 400 hektar di Sungai Temor dan 400 hektar di Hutan Simpan Kekal (HSK) Korbu serta tanaman kelapa sawit seluas 2,000 hektar di Mukim Pulau Kemiri. Mengikut pelan kerja tanah serta pelan kawalan hakisan dan sedimentasi yang disediakan oleh perunding, pihak pemaju hendaklah menyediakan kolam takungan mengikut fasa-fasa di kawasan pembangunan tersebut.
- b. Lawatan Audit mendapati walaupun kolam takungan telah disediakan, namun kawasan kolam dipenuhi rumput-rampai seperti di **Gambar 1.1**. Terdapat juga pembinaan jalan termasuk jambatan dari Pos Legap ke Pos Peswor yang masih dalam binaan seperti di **Gambar 1.2**. Kawasan penanaman getah di HSK Korbu telah habis ditebang meliputi kawasan zon penampang. Ini boleh mengakibatkan air berlumpur apabila musim hujan.

Gambar 1.1
Kawasan Takungan Dipenuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pulau Kamiri
Tarikh: 14 April 2016

Gambar 1.2
Pembinaan Jalan Sedang Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pos Legap Ke Pos Peswor
Tarikh: 14 April 2016

- c. **Mengikut maklum balas Jabatan Perhutanan pada 11 Ogos 2016, teguran telah dibuat terhadap kontraktor balak yang membuat tebangan di kawasan zon penampang. Pihak kontraktor dikehendaki membaiki kerosakan di kawasan tersebut. Sekiranya tiada tindakan oleh kontraktor, lesen pihak kontraktor akan dibatalkan.**

1.4.1.4. Pembentukan Sedimen Di Kawasan Tadahan Air

Pembentukan sedimen di kawasan tadahan Empangan Sultan Azlan Shah, Kinta Perak telah berlaku sejak tahun 2007. Pembentukan sedimen tersebut berpunca daripada aliran tanah, pasir dan kelodak daripada kawasan pembinaan jalan raya Pos Slim ke Cameron Highland. Selain itu, ia juga berpunca daripada pembinaan jalan masuk ke tapak projek pertanian komersil yang terletak dalam kawasan tadahan air Sungai Kinta sejak tahun 2013. Sehingga kini, pihak LAP telah membelanjakan sejumlah RM21.28 juta bagi kerja-kerja pengorekan pasir dan kelodak tersebut. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

- a. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Sumber Air Negeri Bil. 1/2015, kawasan yang dibangunkan adalah kawasan sensitif dengan kecerunan tinggi melebihi 30 hingga 45 darjah diwartakan sebagai kawasan tadahan air yang perlu dipelihara. Pembangunan ini juga tidak selaras dengan *National Physical Plan 2–National Master Plan For Land Development In Peninsular Malaysia*. Ahli Mesyuarat tersebut juga bersetuju agar semua rancangan pembangunan mengambil kira kawasan tadahan air dengan memasukkan rancangan kemajuan di peringkat Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan diberikan penekanan untuk melindungi kawasan-kawasan tadahan air serta menyediakan garis panduan tentang kawasan sensitif alam sekitar.

- b. Lawatan Audit bersama pegawai LAP ke kawasan tadahan air Ulu Sungai Kinta dan Empangan Sultan Azlan Shah mendapati kerja-kerja pembuangan pasir dan kelodak sedang dijalankan seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**. Kerja-kerja pembaikan jalan raya juga sedang dijalankan seperti di **Gambar 1.5** dan runtuhan cerun seperti di **Gambar 1.6**.

Gambar 1.3
Longgokan Pasir dan Kelodak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ulu Sungai Kinta
Tarikh: 25 April 2016

Gambar 1.4
Kerja-kerja Pengorekan Sedimen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ulu Sungai Kinta
Tarikh: 25 April 2016

Gambar 1.5
Kerja-kerja Pembaikan Jalan Di Kilometer 27 Jalan Pos Slim Ke Cameron Highland



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pos Slim Ke Cameron Highland
Tarikh: 25 April 2016

Gambar 1.6
Cerun Runtuuh Di Kilometer 23.8 Jalan Pos Slim Ke Cameron Highland



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pos Slim Ke Cameron Highland
Tarikh: 25 April 2016

- c. **Mengikut maklum balas UPEN pada 11 Ogos 2016, pihak UPEN akan menghubungi pihak JKR berkaitan status kerja-kerja pembaikan di kawasan berkenaan.**

Pada pendapat Audit, kualiti air mentah adalah memuaskan. Namun, pihak berkuasa air perlu memastikan kawasan tadahan dan muka sauk adalah terkawal dan berfungsi dengan sebaiknya.

1.4.2. Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu

Pengurusan lembangan sungai bersepadu atau *Integrated River Basin Management* (IRBM) bertujuan untuk menguruskan lembangan sungai dengan mengambil kira impak sosial, ekonomi dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dilaksanakan untuk menjadi panduan dan rujukan dalam menguruskan lembangan sungai secara bersepadu. Semakan Audit mendapati kajian lembangan masih belum dijalankan di Negeri Perak. Oleh itu pelaksanaan pengurusan berasaskan IRBM tidak dapat dilaksanakan secara berkesan.

Pada pendapat Audit, pengurusan lembangan sungai bersepadu adalah kurang memuaskan kerana belum dilaksanakan sepenuhnya dan tiada garis panduan disediakan.

1.4.3. Pewartaan

1.4.3.1. Prestasi Pewartaan Kawasan Tadahan Air Masih Kurang Memuaskan

Seluas 159,886 hektar kawasan tadahan air telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2006 manakala kawasan tadahan air yang belum diwartakan adalah seluas 200,014 hektar. Pada tahun 2006, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah memohon kepada Pihak Berkusa Negeri (PBN) untuk mewartakan seluas 162,459 hektar HSK sebagai kawasan tadahan air. Lembaga Air Perak juga memohon kawasan seluas 54,457 hektar pada tahun 2006 dan 142,984 hektar pada tahun 2010 seperti di **Jadual 1.7**. Mengikut pengiraan Audit, peratus pencapaian pewartaan adalah 44.4% iaitu seluas 159,866 hektar yang diluluskan berbanding 359,900 hektar permohonan.

Jadual 1.7
Prestasi Pewartaan Kawasan Tadahan Air Setakat 31 Disember 2015

Bil.	Jabatan/ Agensi	Tahun	Sasaran (Permohonan)		Pencapaian (Telah Warta)		Beza (Belum Warta)		Catatan
			Bil.	Luas (ha)	Bil.	Luas (ha)	Bil.	Luas (ha)	
1.	Jabatan Perhutanan	2006	17	162,459	16	159,866	1	2,593	Belum warta & pengurangan
2.	Lembaga Air Perak	2006	5	54,457	-	-	5	54,457	Kawasan tadahan baru
3.	Lembaga Air Perak	2010	10	142,984	-	-	10	142,984	Kawasan tadahan baru
Jumlah			32	359,900	16	159,866	16	200,034	

Sumber: Lembaga Air Perak

1.4.3.2. Perbezaan Luas Kawasan Di Pelan Warta

Semakan Audit mendapati pada 13 Januari 2006, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membuat permohonan kepada PBN untuk mewartakan Hutan Tadahan Air seluas 162,459 hektar meliputi 18 HSK. Pada 25 Januari 2006, PBN telah meluluskan permohonan tersebut seluas 162,459 hektar namun keluasan sebenar kawasan yang

telah diwartakan pada tahun 2007 adalah seluas 159,866 hektar iaitu mengikut pelan warta seperti di **Jadual 1.8**. Terdapat perbezaan kawasan seluas 2,593 hektar. Selain itu, terdapat kawasan HSK Papulut seluas 259 hektar masih belum diwartakan.

Jadual 1.8
Senarai Kawasan Tadahan Air Yang Diluluskan Pewartaan

Bil.	Daerah	Hutan Simpan	Keluasan (Hektar)		
			Kelulusan PBN	Kelulusan Mengikut Pelan Warta	Perbezaan
1.	Hulu Perak	Belukar Semang	356	289	67
		Gerik	11,406	11,650	(244)
		Gunung Lang	240	264	(24)
		Lepang Nenering	914	919	(5)
		Papulut	259	0	259
2.	Perak Selatan	Behrang	2,651	2,644	7
		Bukit Slim	10,657	10,788	(131)
		Bukit Tapah	31,385	29,080	2,305
3.	Kuala Kangsar	Bubu	5,851	5,851	0
		Kledang Saiong	1,540	711	829
		Piah	13,843	17,107	(3,264)
		Korbu	29,866	27,750	2,116
4.	Kinta Manjung	Bujang Melaka	417	426	(9)
		Bukit Kinta	20,061	19,445	616
5.	Larut Matang	Bukit Larut	4,017	4,080	(63)
		Ijok	272	293	(21)
6.	Hulu Perak, Kuala Kangsar & Larut Matang	Bintang Hijau	28,724	28,569	155
Jumlah			162,459	159,866	2,593

Sumber: Lembaga Air Perak dan Jabatan Perhutanan

1.4.3.3. Lewat Warta

- a. Secara keseluruhannya kelewatan pewartaan bagi 11 kawasan tadahan air adalah antara 5 dan 10 tahun. Pada tahun 2006, LAP telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk mewartakan 39 kawasan tadahan air seluas 239,637 hektar. Daripada jumlah tersebut, 33 kawasan seluas 80,180 hektar di HSK hektar telah diwartakan dan 5 kawasan tadahan baru seluas 54,457 hektar belum diwartakan. Manakala, satu kawasan seluas 105,000 hektar di Tasik Bersia, Hulu Perak telah diwartakan sebagai Hutan Rizab Belum Dan Temengor (Taman Negeri). Pada tahun 2010, LAP mengemukakan permohonan kepada PTG untuk mewartakan 17 kawasan seluas 149,803 hektar termasuk 4 kawasan belum diwartakan pada tahun 2010. Selain itu, terdapat 7 kawasan seluas 6,819 hektar di HSK telah pun diwartakan sebagai kawasan tadahan air dan bakinya 10 kawasan seluas 143,224 hektar juga masih belum diwartakan dengan kelewatan melebihi 5 tahun sejak tahun 2010. Butiran lanjut mengenai senarai kawasan tadahan air yang masih dalam proses pewartaan adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Senarai Kawasan Tadahan Air Dalam Proses Pewartaan

Bil.	Daerah	Hutan Simpan	Kawasan Tadahan	Keluasan (Hektar)	Tahun Permohonan	
					2006	2010
1.	Larut Matang & Selama	Bintang Hijau	Sg. Selama	9,833	/	/
2.		Bubu	Sg. Wang	1,674	/	/
3.		Ijok	Sg. Ijok	7,300		/
4.	Hulu Perak	Gunung Lang	Sg. Semangga	600	/	/
5.		Belukar Semang	Sg. Rui	30,500		/
6.	Kinta	Bukit Kinta/Kampar	Sg. Kampar	35,627		/
7.		Bukit Kinta	Sg. Raya	10,700		/
8.	Batang Padang	Bukit Slim	Sg. Sungkai	21,200		/
9.		Behrang	Sg. Bernam	9,200		/
10.		Bukit Slim	Sg. Slim	16,350	/	/
11.	Kuala Kangsar	Korbu	Sg. Kerbau	260.00	/	
Jumlah				143,244		

Sumber: Lembaga Air Perak dan Jabatan Perhutanan

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati punca kelewatan pewartaan disebabkan tiada tindakan susulan oleh Lembaga Air Perak untuk mengemukakan permohonan pewartaan kawasan tadahan air di luar HSK kepada Pentadbir Tanah Daerah. Kelewatan mewartakan kawasan tadahan air menyebabkan sasaran kawasan tadahan tidak dicapai dan tindakan undang-undang tidak dapat diambil sekiranya berlakunya pencerobohan dan pencemaran di kawasan berkenaan.
- c. **Mengikut maklum balas Pejabat Tanah Dan Galian pada 23 Jun 2016**, pihak Jabatan telah menerima permohonan untuk mewartakan sebahagian kawasan tadahan air dari LAP bertarikh 25 Ogos 2010. Pada 14 September 2010, PTG telah memaklumkan kepada LAP supaya mengemukakan permohonan mewartakan kawasan tadahan air ke Pentadbir Tanah Daerah yang terlibat bagi memudahkan proses pewartaan kerana LAP tidak mengemukakan salinan draf warta dan pelan warta untuk permohonan tersebut.
- d. **Mengikut maklum balas Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada 24 Jun 2016**, pihak Jabatan telah mengambil tindakan untuk mewartakan seluas 159,886 hektar kawasan HSK sebagai kawasan tadahan air pada tahun 2007. Bagaimanapun, terdapat kawasan yang dicadangkan oleh LAP tidak sesuai sebagai kawasan tadahan air kerana terletak di bawah pengelasan Hutan Lipur iaitu di luar HSK dan di kawasan Tanah Kerajaan. Manakala, HSK Papulut seluas 259 hektar telah dikeluarkan dari kawasan tadahan air kerana kawasan berkenaan terlibat dengan aktiviti pembangunan hutan. Pada tahun 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1859 bertarikh 1 Jun 2016 telah meluluskan permohonan dengan meminda warta kawasan Hutan Tadahan Air dalam HSK seluas 295,501 hektar dengan pertambahan kawasan sebanyak 85% berbanding keluasan sedia ada.

- e. Mengikut maklum balas LAP pada 29 Jun 2016, pihak LAP akan mengemukakan semua permohonan pewartaan kawasan tадahan air secara langsung kepada Jabatan Perhutanan Negeri bagi kawasan di HSK dan Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan bagi kawasan tадahan di luar HSK.

1.4.4. Pelesenan dan Penguatkuasaan

Penggunaan sumber air tanah perlu dikawal oleh Kerajaan Negeri seperti termaktub dalam Akta Air 1920 (Akta 418). Mengikut Seksyen 5(i)(b), Akta 418 menyatakan tiada seorang pun boleh menghalang sungai dengan apa cara kecuali dengan kebenaran PBN melalui lesen boleh dikeluarkan oleh Pegawai Daerah. Begitu juga Seksyen 5(i)(c) menyatakan lesen boleh dikeluarkan terhadap pelantar, jeti, jambatan dan parit oleh Pegawai Daerah berkaitan. Seksyen 7(iv)(c) pula menyatakan lesen perlu dikeluarkan bagi pengalihan air sungai untuk tujuan industri.

1.4.4.1. Lesen Tidak Diperbaharui

- a. Mengikut Kaedah-Kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011, setiap permohonan pembaharuan lesen abstraksi air bawah tanah perlu dibuat 3 bulan sebelum tamat tempoh atau pada 30 September setiap tahun. Semakan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Larut Matang dan Selama (PDTLMS), Manjung dan Hilir Perak mendapati lesen abstraksi, jeti dan air telah dikeluarkan oleh Pegawai Daerah tersebut. Namun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan terdapat lesen yang telah tamat tempoh pada tahun 2012 dan 2015. Lesen yang tidak diperbaharui sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Lesen Tidak Diperbaharui Sehingga 31 Disember 2015

Bil.	Daerah	Bilangan Syarikat	Lesen		Mula Dilesenkan	Caj Lesen (RM)/Unit	Lesen Tamat
			Jenis	Bilangan			
1.	Larut Matang Selama	1	Abstraksi	9	2014	100	31.12.2015
2.	Manjung	2	Jeti	3	2012	1,500	31.12.2015
3.		1	Jeti	1	1995	1,500	31.12.2015
4.	Hilir Perak	1	Jeti	1	1978	150	31.12.2012
5.		2	Air	3	1978	300	31.12.2012
Jumlah		7		17			

Sumber: PDTLMS, Manjung dan Hilir Perak

- b. Lesen-lesen tersebut masih belum diperbaharui disebabkan beberapa perkara seperti tiada pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap pengeluaran lesen air yang perlu dibaharui atau untuk mendapatkan laporan dan ulasan daripada jabatan atau agensi teknikal. Sebahagian pegawai yang bertanggungjawab tidak mahir terhadap urusan pelesenan tersebut. Begitu juga, jabatan dan agensi teknikal lewat mengemukakan laporan dan ulasan sehingga mengambil masa lebih 3 bulan melebihi masa yang diperlukan oleh Pegawai Daerah.

- c. Mengikut maklum balas Pejabat Kewangan Negeri pada 28 Jun 2016,
- i. Tindakan telah diambil oleh Pegawai Daerah LMS iaitu menghantar surat kepada syarikat tersebut supaya membayar fi pemprosesan pembaharuan lesen dan fi lesen abstraksi air bawah tanah bagi setiap telaga. Hasilnya, syarikat telah mengemukakan kuantiti penggunaan air tahun 2014. Kesemua bayaran yang dikenakan telah dijelaskan pada 12 Mei 2016.
 - ii. Ketiga-tiga syarikat di daerah Manjung telah menjelaskan bayaran lesen sejumlah RM1,500 setiap satu masing-masing pada 8 Mac, 5 April dan 15 April tahun 2016.
 - iii. Jeti di kawasan menurunkan hasil ikan di Hutan Melintang, Hilir Perak masih dalam proses permohonan dan ulasan jabatan teknikal.
 - iv. Setiap PDT berhadapan dengan masalah iaitu tiada ketetapan *Standard Operating Procedure (SOP)* dan kaedah pelaksanaan yang standard daripada Kerajaan Negeri berkaitan dengan kutipan hasil air bawah tanah. Satu pasukan Audit Dalam bagi menyiasat penggunaan air bawah tanah telah ditubuhkan bagi membantu pegawai di daerah.

1.4.4.2. Penggunaan Air Bawah Tanah Dan Sungai Tanpa Lesen

- a. Semakan Audit terhadap 10 syarikat di PDT Batang Padang, Muallim, Manjung, Kuala Kangsar dan Hulu Perak mendapati syarikat tersebut menggunakan air bawah tanah dan sungai tanpa lesen. Lapan daripadanya, telah menggunakan air bawah tanah dan sungai bagi operasi kilang kelapa sawit, ternakan ikan dan ikan hiasan serta lombong dan 2 lagi syarikat bagi operasi jeti. Butiran lanjut mengenai syarikat yang menggunakan air bawah tanah dan sungai tanpa lesen sehingga tahun 2015 lesen adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Bilangan Syarikat Yang Menggunakan Air Bawah Tanah Dan Sungai Tanpa Lesen Sehingga Tahun 2015

Bil.	Daerah	Bil. Syarikat	Bil. Aktiviti	Jenis Operasi	Sumber Air
1.	Batang Padang	2	5	Kilang Kelapa Sawit	Bawah Tanah
2.	Muallim	2	2	Ternakan Ikan	Bawah Tanah
3.	Manjung	2	2	Kilang Kelapa Sawit	Bawah Tanah
4.	Kuala Kangsar	1	1	Kilang Kelapa Sawit	Sungai
5.	Hulu Perak	1	1	Perlombongan	Lombong
6.		2	2	Jeti	Tasik
Jumlah		10	13		

Sumber: PDT Batang Padang, Muallim, Manjung, Kuala Kangsar dan Hulu Perak

- b. Sehingga akhir tahun 2015, terdapat 46 kilang sawit di negeri Perak yang mempunyai dandang beroperasi di kilang masing-masing seperti di **Jadual 1.12**. Kilang-kilang

tersebut menggunakan sumber air bawah tanah, aliran alur sungai dan air sungai bagi menjalankan operasi kilang mereka masing-masing namun masih belum dilesenkan.

Jadual 1.12
Kilang Kelapa Sawit Yang Mempunyai Dandang
Mengikut Daerah Sehingga Tahun 2015

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang Kelapa Sawit	Bilangan Dandang
1.	Hilir Perak	17	26
2.	Larut Matang Selama	15	27
3.	Muallim	4	9
4.	Perak Tengah	3	4
5.	Kuala Kangsar	3	5
6.	Manjung	2	5
7.	Kinta	1	2
8.	Batang Padang	1	3
Jumlah		46	81

Sumber: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak

- c. Pihak PDT tidak mengeluarkan lesen kerana tidak mempunyai maklumat mengenai kilang tersebut. Selain itu, hasil temu bual dengan pegawai yang mengendalikan lesen tersebut mendapati mereka tidak mengetahui tentang kaedah dan prosedur pelesenan. Lawatan Audit bersama pegawai PDT yang terlibat mendapati kilang-kilang tersebut masih aktif beroperasi. Terdapat takungan air yang disediakan di kilang untuk tujuan mengepam air sungai seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Sawit Kamunting, Daerah LMS
Tarikh: 18 Februari 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Felda Besout, Daerah Batang Padang
Tarikh: 5 April 2016

Gambar 1.9
Air Sungai Ditakung Dan Dipam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: United Plantations, Daerah Hilir Perak
Tarikh: 20 April 2016

Gambar 1.10
Air Dipam Daripada Bawah Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Kelapa Sawit Changkat Chermin, Air Tawar
Tarikh: 19 Mei 2016

- d. **Mengikut maklum balas Pejabat Kewangan Negeri pada 28 Jun 2016, menyatakan bahawa:**

- i. Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang akan meminta kedua-dua syarikat perladangan tersebut mengemukakan permohonan lesen air secara rasmi. Dimaklumkan juga pihak pejabat ada menerima satu permohonan baru.
- ii. Pejabat Daerah dan Tanah Muallim menyatakan tiada maklumat mengenai kilang yang menggunakan air untuk penyejukan dandang. Namun, akan mengambil tindakan mengutip hasil bagi sumber air bawah tanah merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Kerja Bil. 1/2014. PTG dicadangkan agar menyediakan garis panduan memproses permohonan lesen air bawah tanah untuk rujukan dan keseragaman pelaksanaan oleh semua PDT.
- iii. Pejabat Daerah dan Tanah Manjung telah menghantar surat rasmi kepada 2 syarikat yang menggunakan air bawah tanah. Kedua-dua syarikat telah mengemukakan kuantiti penggunaan air bagi tahun 2011 hingga 2015 untuk dibuat anggaran hasil bagi tahun tersebut berdasarkan caj 5 sen semeter padu. Sebagai tindakan proaktif, Pegawai Daerah juga telah menghantar surat pertanyaan kepada 10 syarikat lain yang dilihat berpotensi menggunakan air bawah tanah.
- iv. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak menjelaskan kedua-dua jeti di Tasik Banding, Gerik tidak mempunyai struktur binaan kekal yang bersambung dengan tasik dan meminta kedua-dua syarikat mengemukakan permohonan lesen air (jeti).

- v. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar menyatakan tiada maklumat mengenai 3 kilang yang menggunakan air untuk penyejukan dandang. Adalah dicadangkan satu lawatan bersama agensi dan diadakan bengkel khas bagi memberi pendedahan teknikal kepada pentadbiran daerah.
- vi. Pejabat Daerah dan Tanah LMS memaklumkan bahawa syarikat pengeluaran air minuman telah membuat bayaran lesen pada 28 April 2016. Manakala, satu syarikat lagi memohon dilanjutkan tempoh bayaran kerana masih di peringkat penyediaan maklumat. Tindakan penguatkuasaan dan mengenakan caj air bawah tanah akan diambil terhadap kilang-kilang lain yang akan dikenal pasti menggunakan air bawah tanah.

1.4.4.3. Kadar Caj Lesen Berbeza Mengikut Daerah

Mengikut Akta Air 1920, Pegawai Daerah mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar caj dan lesen terhadap penggunaan air. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Di PDT LMS, lesen air bernilai RM1,000 sejak tahun 1978 telah di caj ke atas kilang di 2 syarikat perladangan yang menjalankan operasi kilang kelapa sawit. Manakala, lesen yang sama di caj hanya RM300 kepada 2 syarikat perladangan yang menjalankan aktiviti yang sama di Hilir Perak sejak tahun 1976.
- b. Di PDT Hilir Perak pula, lesen air bagi jeti kegunaan awam di Hutan Melintang milik sebuah syarikat perladangan dikenakan caj bernilai RM150 setahun. Manakala di PDT Manjung, lesen air bagi sebuah jeti yang menjalankan aktiviti *stock pile* bijih besi dan 2 syarikat menjalankan aktiviti persendirian telah dikenakan caj RM1,500.
- c. **Mengikut maklum balas Pejabat Kewangan Negeri pada 28 Jun 2016, kadar bayaran tersebut adalah berdasarkan kelulusan PBN dan akan meminta Kerajaan Negeri menyemak semula kadar caj tersebut.**

1.4.4.4. Permohonan Lesen Abstraksi Air Tidak Mengikut Kaedah Ditetapkan

Kelulusan permohonan lesen abstraksi air tanah adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Daerah. Mengikut Kaedah-Kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011, permohonan lesen abstraksi air tanah hendaklah menggunakan Borang PK GW 3/2010 dan dikenakan yuran pemprosesan sejumlah RM100. Antara kandungan maklumat yang perlu diisi oleh pemohon meliputi tujuan dan tempoh penggunaan, jumlah penggunaan sehari, kedalaman telaga, nombor telaga dan laporan jabatan dan agensi teknikal. Pegawai Daerah perlu menyemak permohonan tersebut dan meminta ulasan dari agensi teknikal sebelum kelulusan dibuat. Semakan Audit mendapati borang permohonan yang digunakan adalah berbeza antara daerah. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

- a. Sebuah syarikat di Taiping menggunakan Borang PK GW 3/2010 bagi 9 permohonan lesen dan dikenakan caj RM100 kepada setiap permohonan bagi pengeluaran air bawah tanah. Dua syarikat jana kuasa elektrik di Manjung menggunakan borang yang dirujuk daripada satu syarikat di Negeri Sembilan dan tiada yuran pemprosesan dikenakan. Tiga syarikat perladangan di Hilir Perak hanya menggunakan surat permohonan yang mengandungi maklumat penggunaan air dan tiada caj pemprosesan dikenakan.
- b. Punca ketidakseragaman penggunaan borang permohonan tersebut disebabkan perundangan atau kaedah tersebut baru dikuatkuasakan dan pegawai di daerah tiada pengalaman. Akibatnya maklumat yang diperlukan mengikut kehendak perundangan tidak dikemukakan dan tiada bayaran pemprosesan dibuat oleh pemohon.
- c. **Mengikut maklum balas PKN pada 28 Jun 2016, Pentadbir Daerah dan Tanah Manjung mengakui bahawa lesen air dan caj penggunaan air laut merupakan perkara baru di negeri Perak dan khususnya di Daerah Manjung.**

1.4.4.5. Penguatkuasaan

- a. Seksyen 11, Kaedah-Kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011 menyatakan sekiranya mana-mana syarikat atau individu tidak mematuhi Kaedah-Kaedah ini maka pihak yang terlibat (pesalah) boleh dikenakan denda tidak melebihi RM150,000 dan Pegawai Daerah mempunyai kuasa mengenakan kompaun. Seksyen 12, Kaedah yang sama pula memperuntukkan Pegawai Daerah adalah berkuasa untuk memasuki dan memeriksa mana-mana tanah, bangunan atau premis selepas memberikan notis kepada pemilik atau penghuni bangunan berkenaan.
- b. Semakan Audit mendapati 41 daripada 46 kilang yang menggunakan air bawah tanah, air sungai dan jeti masih beroperasi tanpa lesen penggunaan air bawah tanah dan tidak dikenakan kompaun. Perkara ini disebabkan oleh pegawai-pegawai di daerah berkenaan tidak mempunyai maklumat berkenaan syarikat yang tidak mempunyai lesen penggunaan air bawah tanah. Bagaimanapun mulai bulan Oktober 2015, Pegawai Kewangan Negeri pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bil. 1/2014 telah mengarahkan Pegawai Daerah dengan kerjasama jabatan dan agensi negeri mengambil tindakan bagi memulakan penguatkuasaan dan kutipan hasil bagi air bawah tanah.
- c. **Mengikut maklum balas PKN pada 28 Jun 2016, Pentadbir Daerah dan Tanah LMS memaklumkan bahawa operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan secara besar-besaran akan diadakan nanti. Bagi mengenakan kompaun terhadap kesalahan di bawah Akta Air 1920, pentadbir memaklumkan perlu ada satu ketetapan SOP dan kaedah pelaksanaan yang standard daripada pihak Kerajaan Negeri.**

Pada pendapat Audit, pelesenan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana masih berlaku kelemahan tadbir urus lesen dan pemantauan terhadap syarikat yang mengguna air tanah. Malahan, tiada penguatkuasaan terhadap kilang yang tidak dilesenkan.

1.4.5. Pengurusan Hasil dan Caj Air Mentah

Hasil air mentah dikutip berdasarkan royalti penggunaan air, lesen air, air bawah tanah, jualan air dan menjana kuasa elektrik. Mengikut Kaedah-Kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011, tafsiran air tanah atau dikenali juga sebagai air bawah tanah atau air bumi, erti air di bawah permukaan yang mengisi keliangan atau pori dalam tanah. Kaedah tersebut juga menetapkan kadar caj pengambil air tanah untuk tujuan komersil atau industri bernilai 11 sen bagi satu meter padu atau 7% dari pendapatan syarikat atas jualan air tersebut atau mana-mana yang lebih tinggi.

1.4.5.1. Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 hingga 2015 hasil air mentah dikutip adalah berjumlah RM199.98 juta seperti di **Jadual 1.13**. Peningkatan hasil sumber air mentah pada tahun 2015 adalah daripada hasil royalti LAP dan syarikat jana kuasa elektrik dan hidro.

Jadual 1.13
Hasil Air Mentah Negeri Perak Bagi Tahun 2013 hingga 2015

Bil.	Jenis Hasil (Kod hasil)	Nilai Hasil (RM Juta)			
		2013	2014	2015	Jumlah
1.	Royalti Ke Atas Air	50.00	50.00	57.78	157.78
2.	Lesen Undang-Undang Air	0.34	0.34	0.36	1.04
3.	Jualan Air	0	0	5.22	5.22
4.	Penggunaan Air Tenaga Nasional Berhad Rancangan Hidro	13.42	14.34	8.18	35.94
Jumlah		63.76	64.68	71.54	199.98

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

1.4.5.2. Pada tahun 2015 hasil kutipan royalti air daripada LAP adalah berjumlah RM57.78 juta, empangan hidroelektrik berjumlah RM6.20 juta, 2 syarikat jana kuasa elektrik berjumlah RM5.22 juta dan selebihnya daripada sebuah syarikat pengeluaran air mineral dan 2 syarikat bagi kilang kelapa sawit. Bagaimanapun, sebuah syarikat industri pengeluar simen masih belum dikenakan caj bayaran kerana masih di peringkat perbincangan dengan Kerajaan Negeri.

1.4.5.3. Syarikat pengeluar air minuman di Taiping dikenakan caj penggunaan air pada tahun 2014 dengan kadar 7 sen semeter padu berjumlah RM24,669 bagi kuantiti 352.42 juta liter (352,420 meter padu) air digunakan. Kadar penggunaan tersebut adalah berdasarkan penggunaan air pada tahun 2014 mengikut bacaan meter yang dipasang terhadap 9 telaga tersebut. Kuantiti penggunaan air pada tahun 2015 adalah 327.67 juta liter (327,669 meter padu) dengan nilai caj bayaran RM22,936. Bacaan meter tersebut dibuat bersama oleh pegawai LAP dan syarikat setiap 3 bulan dan dikemukakan

kepada PDTLMS. Namun, melalui Mesyuarat Membincangkan Hasil Daripada Sumber Air Bil. 2/2015 yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada 8 Oktober 2015 telah membangkitkan isu bayaran syarikat yang tidak wajar berbanding prestasi jualannya.

1.4.5.4. Pada tahun 2015, 2 syarikat jana kuasa di Manjung dikenakan caj penggunaan air berdasarkan kuantiti anggaran penggunaan air laut yang dikemukakan oleh kedua-dua syarikat tersebut kepada Pegawai Daerah. Kuantiti penggunaan air syarikat A adalah sebanyak 1,258.32 juta meter padu setahun manakala syarikat B sebanyak 587.82 juta meter padu setahun. Kadar caj yang dikenakan adalah 1 sen semeter padu seperti yang diputuskan oleh PBN. Melalui anggaran kuantiti dan caj tersebut, Bahagian Hasil PDT Manjung membuat tuntutan pembayaran kepada kedua-dua syarikat tersebut. Mengikut pengiraan Audit, berdasarkan kuantiti dan kadar tersebut nilai caj sepatutnya berjumlah RM12.58 juta setahun bagi syarikat A dan RM5.88 juta setahun bagi syarikat B. Bagaimanapun, kedua-dua syarikat memohon untuk mendapatkan pengurangan bayaran tersebut. Kedua-dua syarikat tersebut telah membayar sejumlah RM2.1 juta dan RM3.0 juta pada tahun 2015.

1.4.5.5. Sebanyak 41 daripada 46 kilang kelapa sawit tidak dikenakan caj penggunaan air bawah tanah. Dengan mengambil kira kuantiti penggunaan air (minimum) sebanyak 150,000 meter padu setahun bagi satu kilang dengan kadar caj 5 sen semeter padu, anggaran hasil sepatutnya boleh dikutip adalah berjumlah RM7,500 setahun. Nilai kutipan jika dikenakan caj penggunaan air terhadap 41 kilang tersebut adalah RM307,500 setahun. Pengiraan ini adalah berasaskan penggunaan air antara 138,000 hingga 218,000 meter padu bagi 5 kilang di Felda dan Felcra dengan kadar caj yang sama. Dengan mengambil kira kaedah yang sama terhadap Syarikat Felda dan Felcra yang dicaj secara ex-gratia dari tahun 2011 hingga 2015, hasil sepatutnya dapat dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.54 juta bagi tempoh tersebut.

1.4.5.6. Mengikut maklum balas PKN pada 28 Jun 2016 menyatakan bahawa:

- a. **Mesyuarat Jawatan Kuasa Cukai Caj Air Bawah Tanah Mengikut Enakmen Air Tanah, Kaedah-kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011 Bil. 1/2016 bertarikh 6 Mei 2016 memutuskan sekiranya jabatan teknikal hadir membuat bacaan meter air setiap 3 bulan, secara teknikalnya penggunaan meter tersebut mengikut piawaian dan standard yang betul dan tidak wajar dipertikaikan berkaitan isu bayaran pihak syarikat yang tidak wajar berbanding prestasi jualannya. Pada tahun 2015, telah diadakan beberapa kali lawatan dan pihak kami mendapati sememangnya kadar pergerakan air daripada satu telaga dengan yang lain berbeza.**
- b. **Kedua-dua syarikat jana kuasa di Daerah Manjung telah mengemukakan rayuan berasaskan beberapa alasan antaranya bayaran lesen air tiada dalam bajet awal syarikat dan kedudukan kewangan yang tidak stabil.**

- c. **Pejabat Kewangan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan kutipan hasil meningkat. Sumber air merupakan sumber hasil yang baru dikenal pasti dan mula dipantau selepas diadakan Bengkel Gerak Kerja Hasil Negeri pada bulan Februari 2015. Antara langkah awal yang telah diambil adalah pegawai daripada Pejabat Undang-Undang, UPEN dan beberapa jabatan sama-sama hadir ke daerah bagi membantu pegawai di daerah mengenal pasti sumber air daripada pelbagai industri.**

Pada pendapat Audit, kutipan hasil adalah memuaskan namun masih terdapat banyak syarikat tidak dilesenkan yang membolehkan caj dikenakan ke atas syarikat yang menggunakan air tanah.

1.4.6. Tadbir Urus Kawal Selia Air

Badan Kawal Selia Air (BKSA) adalah satu badan yang dapat merancang, melaksanakan pelesenan dan penguatkuasaan serta memantau pengurusan sumber air negeri seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ). Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, BKSA masih belum ditubuhkan namun pihak UPEN telah menyediakan satu draf Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi cadangan penubuhan BKSA Negeri Perak pada 2 Januari 2013. Daripada aspek perundangan, Akta Air 1920 telah diterima pakai sejak tahun 1976. Manakala, Kaedah-Kaedah Abstraksi Caj Air 1920 (Pindaan) 2010 dan Kaedah-Kaedah Abstraksi Air Tanah (Perak) 2011 mula berkuat kuasa pada tahun 2014. Walaupun BKSA masih belum wujud, Majlis Sumber Air Negeri Perak yang dipengerusikan YAB. Menteri Besar Perak telah wujud sejak tahun 2011 dengan keahlian seramai 20 ahli terdiri daripada Exco Kerajaan Negeri dan ketua pelbagai jabatan. Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri Perak telah diadakan sebanyak 2 kali setahun. Jawatankuasa Kerja Majlis Sumber Air Negeri dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri diwujudkan untuk menyelaras mesyuarat bersama Jabatan dan agensi. Jawatankuasa tersebut mengandungi agenda tetap termasuk perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam keputusan Majlis Sumber Air Negara. Urus setia bersama bagi kedua-dua mesyuarat tersebut adalah Lembaga Air Perak dan Jabatan Pengairan Dan Saliran.

Pada pendapat Audit, tadbir urus kawal selia air adalah kurang memuaskan kerana masih belum wujud satu badan khas yang mengawal selia air negeri. Badan khas tersebut mempunyai mandat untuk mengendalikan pelesenan, penguatkuasaan, mengkoordinasi aktiviti dan memantau pembangunan di kawasan tадahan air.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pelaksanaan pengurusan kawal selia air di Negeri Perak adalah disyorkan agar Kerajaan Negeri dengan segera menubuhkan sebuah badan kawal selia air untuk mengawal sumber air negeri yang bertanggungjawab untuk merancang, mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan perundangan bagi memastikan sumber air mentah adalah sentiasa mencukupi sehingga masa hadapan dan berkualiti untuk kegunaan rakyat.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK

2. PENGURUSAN BANTUAN AM

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak (Jabatan) adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tertakluk kepada Senarai III, Perkara 95B(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Antara objektif Jabatan ialah untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Jabatan, membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari, mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak bertanggungjawab mengendali dan mengurus bantuan kewangan Negeri dan Persekutuan. Skim bantuan Negeri meliputi Bantuan Am, Bantuan Bencana dan Bantuan Bina/Baiki Rumah manakala skim bantuan Persekutuan pula terdiri daripada Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU)/Pesakit Terlantar, OKU Tidak Berupaya Bekerja dan juga Bantuan Sekali gus.

2.1.2. Pemberian bantuan am melalui skim bantuan Negeri bertujuan untuk membantu individu atau keluarga yang berkeperluan supaya dapat mengurangkan atau meringankan kesulitan kewangan sehingga suatu tempoh mampu berdikari. Pemberian ini hanya layak diberikan kepada individu atau keluarga yang tidak layak menerima bantuan Persekutuan.

2.1.3. Bagi tahun 2013 hingga 2015, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM70.70 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM7.65 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Butiran lanjut mengenai peruntukan dan perbelanjaan bantuan am bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bantuan Am
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Negeri		Persekutuan	
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2013	22.32	22.31	5.62	5.62
2014	23.69	23.69	2.03	2.03
2015	24.69	24.69	-	-
Jumlah	70.70	70.69	7.65	7.65

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak

2.1.4. Pengauditan Pengurusan Bantuan Am ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2009 di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kinta. Beberapa kelemahan telah dilaporkan dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak PKMD Kinta. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah pembayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia serta kelewatan dalam proses kelulusan, siasatan dan kaji semula. Berdasarkan kajian Audit yang dijalankan pada tahun 2016 ini, pihak Audit mendapati masih ada beberapa isu yang dibangkitkan pada tahun 2009 yang masih lagi berulang. Bagaimanapun, Jabatan telah dapat mengatasi kes pembayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia berikutan wujudnya kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan bantuan am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aktiviti pengurusan bantuan am bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dan di 2 PKMD iaitu Kinta dan Kuala Kangsar. Pengauditan yang dijalankan adalah berasaskan kepada penyemakan terhadap permohonan dan kelulusan bantuan am, fail penerima bantuan am, baucar bayaran, Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) serta dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan serta penerima bantuan juga diadakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Selain itu, lawatan ke lokasi rumah penerima bantuan yang dipilih juga telah dilaksanakan bagi mendapat gambaran sebenar pelaksanaan bantuan am. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah diadakan pada 2 Ogos 2016 yang turut dihadiri oleh wakil Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan wakil Pegawai Kewangan Negeri.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati pengurusan bantuan am adalah baik daripada segi pencapaian prestasi perbelanjaan dan sasaran bilangan penerima yang diberikan bantuan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan program yang perlu ditambah baik seperti berikut:

- Penggunaan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah rendah.
- Lewat meluluskan permohonan bantuan am.
- Kelulusan bantuan am melebihi had yang dibenarkan.
- Bantuan Sekolah dibayar tanpa permohonan dan borang yang lengkap.

2.4.1. Prestasi Skim Bantuan Am

Skim bantuan am terbahagi kepada 2 jenis iaitu bantuan am secara bulanan dan bantuan sekali gus. Bantuan sekali gus yang diberikan kepada penerima adalah Bantuan Sekolah, Latihan Perintis, Kes Terdampar dan Waran Kereta api.

2.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Bantuan Am

Bagi tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM70.70 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan am kepada 35,040 penerima. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM70.69 juta atau 99.9% telah dibelanjakan untuk penerima seramai 30,204 orang. Maklumat lanjut mengenai bilangan penerima dan prestasi perbelanjaan bantuan am Negeri Perak bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Bilangan Penerima Dan Prestasi Perbelanjaan Bantuan Am Negeri Perak
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bilangan Penerima		(%)	Jumlah (RM Juta)		(%)
	Sasaran	Pencapaian		Peruntukan	Perbelanjaan	
2013	12,242	10,843	88.6	23.32	22.31	95.7
2014	11,927	9,883	82.9	23.69	23.69	100.0
2015	10,871	9,478	87.2	24.69	24.69	100.0
Jumlah	35,040	30,204	86.2	70.70	70.69	99.9

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak

2.4.1.2. Prestasi Perbelanjaan Di PKMD Kinta Dan Kuala Kangsar

- Bagi tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM17.99 juta telah diperuntukkan oleh Jabatan kepada PKMD Kinta dan Kuala Kangsar khusus untuk bantuan am. Prestasi perbelanjaan di kedua-dua PKMD adalah sangat baik kerana kedua-dua PKMD telah membelanjakan antara 99.9% hingga 100% dalam tempoh 3 tahun tersebut. Maklumat lanjut mengenai prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan bantuan am di PKMD Kinta dan Kuala Kangsar bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Bantuan Am
Di PKMD Kinta Dan Kuala Kangsar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Tahun	Jumlah (RM Juta)		(%)
		Peruntukan	Perbelanjaan	
Kinta	2013	4.06	4.06	100
	2014	4.34	4.33	99.9
	2015	3.53	3.53	100
Jumlah		11.93	11.92	99.9
Kuala Kangsar	2013	2.03	2.03	100
	2014	1.99	1.99	100
	2015	2.04	2.04	100
Jumlah		6.06	6.06	100
Jumlah Keseluruhan		17.99	17.98	99.9

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak

- b. Analisis Audit mendapati agihan bantuan am adalah 96.9% dan 97.2% berbanding bantuan sekali gus iaitu 3.1% dan 2.8% masing-masing di PKMD Kinta dan Kuala Kangsar. Butiran lanjut mengenai agihan bantuan am dan bantuan sekali gus bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
**Agihan Bantuan Am Dan Bantuan Sekali gus Di PKMD Kinta
Dan Kuala Kangsar Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Daerah	Jenis Bantuan	Jumlah	
		Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
Kinta	Bantuan Am	11.55	96.9
	Bantuan Sekali gus	0.37	3.1
Jumlah		11.92	100
Kuala Kangsar	Bantuan Am	5.89	97.2
	Bantuan Sekali gus	0.17	2.8
Jumlah		6.06	100

Sumber: PKMD Kinta dan Kuala Kangsar

- c. Analisis Audit terhadap bantuan sekali gus di **Jadual 2.4** mendapati bantuan sekolah dibayar kepada penerima pada hujung tahun dan bergantung kepada lebihan wang bantuan am pada tahun berkenaan. Tiada perancangan mengenai pembayaran bantuan sekolah disediakan walaupun mengikut Perenggan 4.4 Rancangan Bantuan Pelajar-pelajar miskin, Dasar Rancangan Bantuan Am 1995 pembayaran bantuan sekolah perlu dibuat pada awal tahun.
- d. **Mengikut maklum balas dari Jabatan bertarikh 29 Julai 2016, bantuan sekolah sememangnya dibayar dengan menggunakan peruntukan bantuan am. Namun begitu, kedua-dua PKMD perlu mengutamakan bayaran bantuan am yang dibayar secara bulanan. Justeru, bantuan sekolah hanya diluluskan setelah semua bayaran bantuan am dapat diselesaikan pada tahun yang berkenaan.**

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bantuan am adalah baik kerana kedua-dua PKMD Kinta dan Kuala Kangsar telah membelanjakan bantuan am melebihi 99.9% daripada peruntukan. Selain itu, prestasi penerima bantuan am adalah baik kerana jumlah penerima berbanding sasaran melebihi 80%.

2.4.2. Kadar Dan Syarat Pemberian Bantuan Am

- 2.4.2.1.** Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 1539 bertarikh 13 Februari 2008 telah meluluskan kenaikan kadar dan syarat kelayakan bantuan am oleh Jabatan dengan kadar baru iaitu antara RM100 hingga RM250 sebulan bagi keluarga yang berpendapatan di bawah RM500. Maklumat mengenai kadar dan syarat kelayakan bantuan am yang diguna pakai oleh Jabatan untuk bantuan bulanan adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kadar Dan Syarat Kelayakan Bantuan Am

Kadar (RM)	Syarat Kelayakan
100 - 250	1. Pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM500 2. Orang tua berumur 55 tahun ke atas 3. Balu atau janda yang mempunyai tanggungan 4. Pesakit melarat 5. Tanggungan banduan 6. Orang kurang upaya 7. Anak-anak yatim yang tidak berwaris

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak

2.4.2.2. Semakan Audit terhadap syarat kelayakan pendapatan isi rumah mendapati asas pendapatan RM500 yang diguna pakai oleh Jabatan pada ketika ini adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Pada ketika itu, PGK Negeri Perak adalah pada paras RM580. Sehingga tahun 2015, EPU telah 3 kali mengeluarkan PGK baru iaitu pada tahun 2009, 2012 dan 2014. Kadar PGK 2014 yang dikeluarkan oleh EPU bagi Negeri Perak adalah RM930. Namun, Jabatan masih lagi menggunakan kadar PGK 2007 sehingga tarikh pengauditan.

2.4.2.3. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 29 Julai 2016, pihak Jabatan masih lagi dalam peringkat semakan akhir sebelum draf cadangan semakan semula Dasar Rancangan Bantuan Am dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.**

2.4.2.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap 315 penerima bantuan am di PKMD Kinta dan Kuala Kangsar mendapati sejumlah 45 daripada 188 penerima di PKMD Kinta dan 27 daripada 127 penerima di PKMD Kuala Kangsar mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM500 sebulan. Ini disebabkan tiada semakan semula dibuat oleh pihak Jabatan bagi menaikkan kadar baru yang lebih bersesuaian dengan taraf hidup dan persekitaran kini. Butiran lanjut mengenai pendapatan isi rumah melebihi RM500 sebulan adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Pendapatan Isi Rumah Melebihi RM500 Sebulan

PKMD	Bil. Sampel	Bil. Penerima Berpendapatan Melebihi RM500	(%)
Kinta	188	45	23.9
Kuala Kangsar	127	27	21.3
Jumlah	315	72	22.9

Sumber: PKMD Kinta Dan Kuala Kangsar

2.4.2.5. **Menurut maklum balas PKMD Kinta bertarikh 8 Ogos 2016, Jabatan telah mengambil maklum tentang perkara ini dan dalam tindakan menjalankan penilaian semula Kertas Dasar Rancangan Bantuan Kewangan Negeri Perak.**

2.4.2.6. Selain itu, pihak Audit juga telah membuat perbandingan terhadap kadar pemberian bantuan am di seluruh Malaysia. Butiran lanjut mengenai kadar bantuan am mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Kadar Bantuan Am Mengikut Negeri

Negeri	Kadar Semasa Bantuan Am (RM)	
	Minimum	Maksimum
Selangor	100	175
Perlis	100	300
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	100	350
Melaka	140	230
Negeri Sembilan	140	270
Perak	150	250
Sarawak	150	250
Sabah	150	300
Kedah	150	350
Terengganu	200	450
Pulau Pinang	220	770
Kelantan	120	
Johor	150	
Pahang	300	

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

2.4.2.7. Analisis Audit berdasarkan **Jadual 2.7** mendapati kadar minimum yang ditetapkan Jabatan merupakan yang keempat tertinggi selepas Pahang, Pulau Pinang dan Terengganu dengan kadar RM150 sebulan. Manakala, kadar maksimum pemberian bantuan am merupakan yang kelima terendah selepas Kelantan, Johor, Selangor dan Melaka berbanding Negeri lain dan Wilayah Persekutuan dengan kadar RM250 sebulan. Bagaimanapun Negeri Kelantan, Johor dan Pahang telah menggunakan kadar rata masing-masing pada kadar RM120, RM150 dan RM300.

2.4.2.8. **Mengikut maklum balas PKMD Kinta bertarikh 8 Ogos 2016, Jabatan telah mengambil maklum tentang perkara ini dan dalam tindakan menjalankan penilaian semula Kertas Dasar Rancangan Bantuan Kewangan Negeri Perak dan dicadangkan kadar baru setelah dibuat perbandingan antara semua negeri iaitu di antara RM200 hingga RM350 sebulan.**

Pada pendapat Audit, kadar pemberian bantuan am perlu dikaji semula selaras dengan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan yang terkini.

2.4.3. Pemprosesan Permohonan Bantuan Am

Merujuk proses kerja yang telah ditetapkan, pemohon bantuan am dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah supaya permohonan yang dikemukakan dapat diproses daripada segi pendaftaran,

siasatan dan keputusan permohonan. Proses siasatan melibatkan temu duga awal atau pra penilaian sebelum lawatan ke rumah dibuat bagi mengesahkan maklumat awal yang diterima dan seterusnya mengemukakan ulasan serta syor untuk menentukan kelayakan pemohon.

2.4.3.1. Prestasi Pemprosesan Permohonan Bantuan Am

Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan semua permohonan akan siap disiasat dalam tempoh 2 minggu dan keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima. Bagi tujuan pengauditan, pihak Audit telah memilih sebanyak 315 penerima bantuan yang terdiri daripada 140 penerima baru dan 175 penerima sedia ada yang melibatkan proses permohonan bantuan am pada tahun 2013 hingga 2015. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Permohonan Bantuan Am Lewat Diluluskan

- i. Semakan Audit mendapati 40 permohonan atau 44% di PKMD Kinta dan 3 permohonan atau 6.1% di PKMD Kuala Kangsar telah lewat diluluskan antara 30 hingga 197 hari iaitu setelah mengambil kira sebulan selepas daripada tarikh permohonan diterima. Butiran lanjut mengenai permohonan lewat diluluskan pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Permohonan Lewat Diluluskan Pada Tahun 2013 hingga 2015

Bil.	Daerah	Jumlah Fail	Bil. Permohonan Lewat Diluluskan	Peratus (%)	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Kinta	91	40	44.0	30 - 197
2.	Kuala Kangsar	49	3	6.1	34 - 76
Jumlah		140	43	30.7	

Sumber: PKMD Kinta dan Kuala Kangsar

- ii. Kelewatan meluluskan permohonan bantuan kepada penerima yang layak boleh mengakibatkan penerima yang berkelayakan lewat menerima bantuan bagi meringankan beban atau permasalahan yang dihadapi oleh mereka.
- iii. **Menurut maklum balas PKMD Kinta bertarikh 8 Ogos 2016, kelewatan bagi meluluskan permohonan mengikut piagam pelanggan dalam tempoh sebulan adalah disebabkan Pegawai Pelulus perlu menyemak setiap kes dengan teliti terutama bagi kes-kes yang tidak disyorkan sebarang bantuan oleh Pegawai Kes bagi memastikan tiada kes yang layak tercicir daripada mendapat bantuan. Selain itu, terdapat beberapa fail kes memerlukan maklumat tambahan daripada pegawai kes bagi memastikan kesahihan maklumat yang diberi untuk menyokong keputusan yang dibuat terhadap sesuatu kes itu kekal untuk tidak diluluskan bantuan atau sebaliknya sama ada dilulus bantuan JKM ataupun disalurkan kepada agensi yang relevan/bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.**

- iv. **Menurut maklum balas PKMD Kuala Kangsar bertarikh 8 Ogos 2016, kelewatan kelulusan permohonan bantuan kepada penerima adalah disebabkan perubahan tempat tinggal pemohon yang melibatkan perubahan daerah/negeri. Bagi setiap permohonan baru, pentadbiran JKM yang asal perlu menjalankan proses penamatan dan pindah lokasi bagi membolehkan permohonan penama didaftar dan diproses dalam Sistem e-Bantuan.**

Pada pendapat Audit, proses permohonan bantuan am oleh PKMD di kedua daerah adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan meluluskan permohonan.

2.4.4. Pembayaran Bantuan Am

Pembayaran bantuan am dibuat melalui 2 kaedah iaitu secara *electronic fund transfer (EFT)* Bank Simpanan Nasional (BSN) dan penyerahan wang tunai terus kepada penerima bantuan. PKMD Kinta dan Kuala Kangsar mengehendaki semua penerima bantuan untuk mempunyai akaun di BSN untuk pembayaran bantuan kecuali bagi bulan pertama penerima baru dan penerima uzur serta kurang upaya yang akan dibayar secara tunai kepada penerima. Pegawai Kewangan Negeri telah menurunkan kuasa kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk meluluskan bantuan bulanan di peringkat daerah sehingga had maksimum RM115 sebulan. Semakan Audit terhadap bayaran kepada 315 penerima bantuan am bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati perkara berikut:

2.4.4.1. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Meluluskan Bantuan Am Melebihi Had Yang Dibenarkan

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah menaikkan kadar bantuan am daripada RM50 hingga RM115 sebulan kepada RM100 hingga RM250 sebulan selaras dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1539 pada 13 Februari 2008. Namun, semakan Audit mendapati tiada penurunan kuasa dikeluarkan oleh Pegawai Pengawal Jabatan untuk membenarkan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk meluluskan bantuan bulanan untuk kadar baru tersebut.

- a. Sebanyak 177 penerima bantuan am sedia ada melibatkan 84 penerima di daerah Kinta dan 93 di daerah Kuala Kangsar telah diberi kenaikan kadar bantuan lebih awal antara satu hingga 23 bulan daripada tarikh kelulusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah melalui Borang Penyiasatan Bantuan Kewangan (JKM 19). Ini telah mengakibatkan kenaikan kadar tanpa kelulusan sejumlah RM28,250 di daerah Kinta dan RM36,600 di daerah Kuala Kangsar. Butiran lanjut mengenai bayaran bantuan am tanpa kelulusan adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Bayaran Bantuan Am Tanpa Kelulusan

Bil.	Daerah	Bil. Sampel	Bil. Kes	Terlebih Bayar (RM)
1.	Kinta	188	84	36,600
2.	Kuala Kangsar	127	93	28,250
	Jumlah	315	177	64,850

Sumber: PKMD Kinta dan Kuala Kangsar

- b. **Mengikut maklum balas PKMD Kinta bertarikh 28 Julai 2016, setelah semakan dibuat ke atas fail-fail, kebanyakan fail adalah kelulusan yang dilanjutkan dari setahun ke setahun. Semua penerima bantuan JKM hanya diluluskan bagi tempoh 12 bulan atau setahun dan sebelum melanjutkan kelulusan seterusnya pegawai kes perlu membuat kaji semula ke atas penerima bantuan sama ada layak untuk menerima bantuan bagi tempoh setahun lagi.**

- c. **Mengikut maklum balas PKMD Kuala Kangsar bertarikh 29 Julai 2016 dan 8 Ogos 2016, PKMD Kuala Kangsar telah membuat penyelarasan kenaikan kadar yang sama iaitu sejumlah RM250 kepada semua penerima bantuan am bagi membangunkan sosio ekonomi klien kerana kadar bantuan di bawah RM250 adalah tidak relevan dan tidak sesuai dengan taraf hidup sekarang ini. Bagaimanapun, kelulusan kenaikan kadar tersebut telah dicatatkan dalam kertas minit setiap fail yang terlibat dan ditandatangani oleh PKMD dan Unit Kewangan.**

2.4.4.2. Tiada Arahan Bertulis Mengenai Penamatan Peruntukan Persekutuan

- a. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan tambahan kadar sebanyak 33.3% daripada jumlah bantuan am yang dibayar kepada penerima di bawah Pakej Rangsangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara Tahun 2001. Peruntukan ini melibatkan tambahan daripada peruntukan negeri yang diterima oleh penerima bantuan am antara RM50 hingga RM80 seorang. Berdasarkan cabutan minit mesyuarat perenggan 3.13, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 14 September 2013 terdapat arahan untuk menamatkan tambahan bantuan am tersebut mulai 1 Julai 2014. Semakan Audit di PKMD Kuala Kangsar mendapati bayaran tambahan bantuan am telah ditamatkan pada bulan Julai 2014 seperti yang diarahkan. Manakala di PKMD Kinta, pihak Audit mendapati bantuan am Persekutuan telah ditamatkan lebih awal daripada arahan penamatan iaitu mulai bulan Oktober 2013 secara berperingkat sehingga bulan Jun 2014 mengikut kawasan tanpa kelulusan. Selain itu, tiada arahan penamatan secara berperingkat dibuat secara rasmi oleh Jabatan.

- b. **Maklum balas PKMD Kinta bertarikh 8 Ogos 2016 adalah seperti berikut:**
 - i. **Pada Mesyuarat JPKA Bil. 3/2013 yang diadakan pada 8 Julai 2013, tuan pengurus mengarahkan semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah**

untuk mengemukakan jumlah keperluan sebenar peruntukan bantuan am Negeri bagi kes-kes bantuan am di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

- ii. Pada 11 Julai 2013, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kinta telah mengeluarkan memo untuk penamatan peruntukan MTEN dengan tarikh kuat kuasa Ogos 2013.
- iii. Pada 1 September 2013, Ketua Unit Ekonomi Dan Bantuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak mengeluarkan memo kepada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bahawa penerimaan bantuan MTEN adalah sehingga Disember 2013. Namun, disebabkan terdapat penamatan secara berperingkat telah dibuat, berlaku lebihan daripada peruntukan tersebut.

Pada pendapat Audit, pembayaran bantuan am adalah kurang memuaskan kerana kelulusan bantuan am dibuat melebihi had yang dibenarkan serta arahan penamatan secara berperingkat bagi kadar bantuan am yang diterima daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara juga tidak dibuat secara rasmi oleh Jabatan.

2.4.5. Bantuan Sekolah Tidak Memuaskan

Dasar Rancangan Bantuan Am 1995 bagi Bantuan Pelajar Miskin adalah bertujuan untuk membantu keluarga miskin menampung perbelanjaan persekolahan penerima bantuan. Skim bantuan ini hanya layak diterima oleh keluarga yang berpendapatan di bawah RM350. Maksimum kadar bantuan yang diluluskan di peringkat PKMD adalah RM500 sekali gus dan dihadkan kepada maksimum 3 orang anak. Kadar pemberian bantuan sekolah diluluskan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat di kedua-dua daerah dan butiran lanjut mengenai kadar bantuan sekolah adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kadar Bantuan Sekolah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Tahun	Kadar Bantuan
Kinta	2013	RM100 ke RM450 mengikut bilangan anak
	2014	RM100 ke RM450 mengikut bilangan anak
	2015	Kadar rata RM400
Kuala Kangsar	2013	Kadar rata RM200
	2014	Kadar rata RM300
	2015	Kadar rata RM300

Sumber: PKMD Kinta dan Kuala Kangsar

2.4.5.1. Bantuan Sekolah Dibayar Tanpa Permohonan Dan Borang Yang Lengkap

- a. Perenggan 4.1 hingga 4.3 Bantuan Pelajar Miskin, Dasar Rancangan Bantuan Am 1995 telah menyatakan dengan jelas cara perlaksanaan bantuan sekolah. Antaranya permohonan hendaklah dibuat melalui Borang Bantuan Sekolah yang diberi secara

percuma dan perlu mendapat pengesahan Guru Besar Sekolah dan juga Pengurus Jawatankuasa Kemajuan Kampung atau pihak lain yang berkenaan dan borang yang lengkap perlu dikembalikan kepada PKMD.

- b. Semakan Audit terhadap 202 penerima bantuan sekolah di daerah Kinta berjumlah RM52,150 telah disertakan dengan Borang Bantuan Sekolah. Bagaimanapun, 116 atau 57.4% daripada borang yang diserahkan adalah tidak lengkap. Antara butiran yang tidak lengkap adalah cop sekolah, tandatangan pegawai penyiasat dan kelulusan PKMD.
- c. Semakan Audit terhadap 67 penerima bantuan sekolah yang berjumlah RM19,250 di daerah Kuala Kangsar mendapati bantuan sekolah telah dibayar tanpa permohonan. Pihak Audit dimaklumkan, penerima bantuan sekolah di PKMD Kuala Kangsar dipilih oleh pegawai kes sendiri tanpa borang permohonan. Setelah dipilih, pembayaran akan terus dibuat kepada penerima tanpa memaklumkan kepada penerima. Hasil lawatan Audit dan temu bual terhadap 10 penerima bantuan sekolah di Kuala Kangsar mendapati kesemua mereka tidak pernah memohon bantuan tersebut. Daripada 10 penerima tersebut, 8 penerima tidak pasti mengenai bantuan sekolah yang disalurkan kepada mereka.
- d. **Mengikut maklum balas PKMD Kinta bertarikh 28 Julai 2016, bagi PKMD Kinta sememangnya setiap klien telah dibekalkan dengan borang Bantuan Sekolah namun respons yang diterima daripada klien mengatakan ada di antaranya mengalami kesukaran mendapatkan cop pengesahan sekolah memandangkan ia diberi dan diproses pada penghujung tahun. Selain itu faktor masa yang terhad dihadapi oleh pegawai penyiasat dengan beban tugas yang banyak menyukarkan semakan teliti dibuat sebelum mengemukakan syor kelulusan yang mana setiap borang yang diterima amat diharapkan oleh klien jabatan ini.**
- e. **Mengikut maklum balas PKMD Kuala Kangsar bertarikh 29 Julai 2016, pihak PKMD Kuala Kangsar mengakui terlepas pandang berkenaan ketidakpatuhan terhadap dasar yang dikeluarkan oleh JKM di mana bantuan sekolah tidak dibuat berdasarkan permohonan oleh klien. Ini kerana bayaran Bantuan Sekolah dibuat terus kepada klien Bantuan Kanak-kanak yang telah dikenal pasti layak untuk menerima Bantuan Sekolah dan disalurkan terus ke dalam akaun BSN masing-masing. Pihak PKMD Kuala Kangsar juga mempunyai maklumat latar belakang setiap kes yang diluluskan bantuan tersebut di dalam Sistem Pengurusan Pembayaran Kebajikan (SPBK). Senarai nama tersebut telah diluluskan oleh PKMD.**

Pada pendapat Audit, bantuan sekolah adalah kurang memuaskan kerana 57.4% penerima bantuan sekolah di daerah Kinta tidak mengisi borang Bantuan Sekolah dengan lengkap dan pembayaran bantuan sekolah di daerah Kuala Kangsar dibuat tanpa borang permohonan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan bantuan am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Mengkaji semula kadar pemberian bantuan am dan paras pendapatan garis kemiskinan yang digunakan semasa penilaian kelayakan pemberian bantuan am supaya lebih relevan dengan keadaan semasa.

2.5.2. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah perlu memastikan tempoh memproses permohonan bantuan am dipertingkatkan supaya keputusan dapat dibuat dengan segera dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

3. PENGURUSAN PROJEK LANDSKAP DAN PENGINDAHAN BANDAR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Manjung (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 1980 di bawah Seksyen 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Majlis telah mendapat status Majlis Perbandaran pada 1 Ogos 2001 dan telah menetapkan visinya untuk menjadikan daerah Manjung sebagai ‘Bandar Pelancongan dan Maritim’ yang maju, progresif, makmur dan terunggul. Majlis adalah komited untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, telus dan efisien ke arah perbandaran yang kondusif, selamat dan harmoni berteraskan pembangunan mampan. Oleh itu, Majlis bertanggungjawab merancang serta melaksanakan projek landskap dan pengindahan bandar di kawasan perbandaran Manjung iaitu Sitiawan, Lumut, Pangkor, Ayer Tawar, Seri Manjung dan Beruas.

3.1.2. Mengikut garis panduan landskap Jabatan Landskap Negara, landskap secara umumnya bermaksud suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang terhasil secara semula jadi atau binaan. Komponen projek landskap terdiri daripada pembangunan landskap lembut dan landskap kejur. Landskap lembut merupakan landskap yang dibangunkan dengan penggunaan sumber asli atau semula jadi seperti tumbuhan, air dan topografi atau bentuk muka bumi. Manakala landskap kejur dibangunkan dengan unsur binaan seperti batu-batan, konkrit dan struktur besi. Ia meliputi struktur dan bangunan seperti laluan pejalan kaki, jalan-jalan utama di bandar, astaka, tempat duduk, pintu gerbang, arca dan lampu hiasan.

3.1.3. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, projek pembangunan serta naik taraf landskap dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis. Manakala kerja penyenggaraan landskap dijalankan oleh Majlis atau kontraktor yang dilantik. Lampu taman dan lampu hiasan serta bekalan seperti pokok, benih, baja dan peralatan pertanian bagi landskap lembut diperoleh daripada pembekal luar. Jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Majlis untuk pengurusan projek landskap dan pengindahan bandar bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing berjumlah RM2.37 juta, RM2.60 juta dan RM3.52 juta seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Pengurusan Projek Landskap Dan Pengindahan Bandar
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Majlis (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2013	-	2.37	2.37
2014	0.16	2.44	2.60
2015	1.61	1.91	3.52
Jumlah	1.77	6.72	8.49

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek landskap dan pengindahan bandar telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan dan pelaksanaan projek landskap dan pengindahan bandar Majlis bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2013 hingga 2015. Tumpuan pengauditan adalah pengurusan projek landskap dan pengindahan di jalan-jalan utama di bandar Sitiawan, Seri Manjung, Lumut, Pangkor, Beruas dan Ayer Tawar. Selain itu, pengauditan turut merangkumi taman-taman awam, taman permainan kanak-kanak di taman awam dan kawasan perumahan serta tapak semaihan. Pemeriksaan dijalankan dengan menyemak rekod berkaitan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kejuruteraan, Unit Landskap dan Jabatan Perbendaharaan di Majlis. Lawatan ke lokasi yang dipilih dan temu bual turut dilakukan dengan pegawai-pegawai Majlis yang terlibat. *Exit Conference* bersama Setiausaha Majlis telah diadakan pada 8 Ogos 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Audit Dalam dan Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil Pegawai Kewangan Negeri.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek landskap dan pengindahan bandar Majlis Perbandaran Manjung adalah memuaskan daripada aspek prestasi penyenggaraan pokok teduhan, prestasi kerja penyenggaraan taman permainan dan pengurusan aduan awam. Namun pengurusannya masih boleh dipertingkatkan kerana terdapat kelemahan berikut:

- Keadaan landskap kejur dan lembut kurang memuaskan seperti alat permainan kanak-kanak di kawasan perumahan dan taman awam rosak tidak disenggara, perbuatan vandalisme serta lampu hiasan tidak berfungsi/menyala.

3.4.1. Prestasi Pencapaian Pelan Induk Landskap (2005 Hingga 2015) Majlis Perbandaran Manjung

3.4.1.1. Pelan Induk Landskap (PIL) Majlis telah disediakan oleh Jabatan Landskap Negara pada tahun 2005 sebagai panduan atau pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif. Ia meliputi aspek polisi, strategi dan cadangan projek dengan matlamat menjadikan daerah Manjung sebagai ‘Bandar Pelancongan Dan Maritim’ dalam tempoh 10 tahun mulai tahun 2005 hingga 2015. Anggaran kos bagi 8 cadangan pembangunan landskap tersebut berjumlah RM44.06 juta. Maklumat lanjut berkaitan senarai cadangan pembangunan landskap mengikut pelan induk bagi tempoh tahun 2005 hingga 2015 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Senarai Cadangan Pembangunan Lanskap
Mengikut Pelan Induk Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2015

Bil.	Cadangan Pembangunan Lanskap	Anggaran Kos Pembangunan (RM Juta)
1.	Pintu Masuk Utama Jalan Beruas – Ipoh	0.81
2.	Pintu Masuk Utama Jalan Pantai Remis - Taiping	0.81
3.	Pintu Masuk Utama Jalan Ayer Tawar – Bota	0.81
4.	Pintu Masuk Utama Jalan Lekir – Teluk Intan	0.81
5.	Pembangunan Taman Bandar Sitiawan	33.64
6.	Pembangunan Lanskap Persisiran Sungai Beruas	2.86
7.	Pemeliharaan Lanskap dan Pengekalan Pekan Beruas	3.44
8.	Pembangunan Lanskap Persisiran Pantai Teluk Nipah	0.88
Jumlah		44.06

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

3.4.1.2. Pemeriksaan Audit mendapati, hanya 2 daripada 8 cadangan yang dilaksanakan oleh Majlis dalam tempoh 10 tahun iaitu pada tahun 2011 dan 2012 dengan kos berjumlah RM7.15 juta manakala 6 lagi tidak dilaksanakan. Dua pembangunan lanskap yang dilaksanakan ialah Lanskap Pintu Masuk Utama Jalan Ayer Tawar – Bota dan Pembangunan Lanskap Persisiran Pantai Teluk Nipah. Butiran lanjut mengenai kos pembangunan lanskap adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Kos Pembangunan Lanskap

Bil.	Nama Projek	Tarikh Projek Mula	Tarikh Projek Siap	Kos Pembangunan (RM Juta)
1.	Pintu Masuk Utama Jalan Ayer Tawar – Bota	30.5.2012	31.12.2012	0.09
2.	Pembangunan Lanskap Persisiran Pantai Teluk Nipah	15.4.2010	31.5.2011	7.06
Jumlah				7.15

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

3.4.1.3. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke 2 lokasi pembangunan lanskap berkenaan mendapati perkara berikut:

- a. Projek pembangunan lanskap persisiran Pantai Teluk Nipah di Pulau Pangkor telah dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kos RM7.06 juta dan siap pada tahun 2011 dengan lanjutan masa sebanyak 2 kali. Projek ini dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka dengan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan. Antara komponen pembangunan yang dilaksanakan ialah 12 unit kedai makan, 15 unit kedai kraf/cenderahati, 12 unit kios, satu unit menara pandang, satu tandas awam dan satu bangunan kemudahan awam. Semakan Audit mendapati 5 daripada 15 komponen tidak dibangunkan seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Lanskap (PIL). Butiran lanjut mengenai komponen pembangunan lanskap di persisiran Pantai Teluk Nipah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Komponen Pembangunan Lanskap
Di Persisiran Pantai Teluk Nipah

Bil.	Komponen Mengikut Pelan Induk Lanskap	Pelaksanaan
1.	Tandas	/
2.	Tempat Mandi Awam	/
3.	Alat Permainan Kanak-Kanak	x
4.	Wakaf/Kios	/
5.	Menara Pandang Jauh	/
6.	Pelantar Kayu	x
7.	Surau	x
8.	Kawasan Perkelahan	/
9.	Kawasan Perkhemahan	/
10.	Laluan Pejalan Kaki	/
11.	Lampu	/
12.	Tong Sampah	/
13.	Tempat Letak Kereta	x
14.	Bangku Dan Meja	/
15.	Elemen Tanaman - Pokok kelapa, raphis, rupantai, salix, kenanga, siantan	x

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

Nota: Laksana (/), Tidak Dilaksanakan (x)

- b. **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** menunjukkan cadangan pelan induk dan pembangunan lanskap yang dilaksanakan di Persisiran Pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor.

Gambar 3.1

Cadangan Pelan Pembangunan Lanskap Pantai Teluk Nipah Mengikut Pelan Induk



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Persisiran Pantai Teluk Nipah,
Pulau Pangkor

Tarikh: 24 Mac 2016

Gambar 3.2

Pembangunan Lanskap Di Persisiran Pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Persisiran Pantai Teluk Nipah,
Pulau Pangkor

Tarikh: 24 Mac 2016

- c. **Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 11 Julai 2016 dan 12 Ogos 2016, lima daripada 15 komponen pembangunan tidak dapat dibangunkan kerana peruntukan pembangunan adalah terhad dan menjurus kepada penyelesaian masalah peniaga dan lokasi di kawasan yang dibangunkan. Kajian telah dibuat mengikut spesifikasi peruntukan yang diterima dan ianya fleksibel mengikut keperluan semasa dan orang awam. Pelan Induk Lanskap yang disediakan**

oleh Jabatan Landskap Negara adalah secara konsep dan bukan secara kajian terperinci di tapak. Pelan ini merupakan salah satu landskap mengikut projek dan akan berubah mengikut keperluan awam, hak milik tanah dan bergantung kepada peruntukan Majlis atau dari Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pelancongan.

3.4.1.4. Pada tahun 2013, pihak Majlis merancang untuk melaksanakan 2 projek membangun dan menaik taraf landskap. Dua projek tersebut ialah projek menaik taraf *Esplanade Wing* di Lumut dengan anggaran kos RM4.74 juta dan projek pembangunan landskap di persisiran Sungai Lumut, Manjung dengan anggaran kos RM2.40 juta. Pihak Majlis mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mendapatkan peruntukan pada tahun 2014. Bagaimanapun, dua projek berkenaan tidak dapat dilaksanakan oleh Majlis kerana tidak memperolehi peruntukan tersebut.

3.4.1.5. Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 11 Julai 2016 dan 28 Julai 2016, pihak Majlis tidak mempunyai peruntukan khas untuk projek membangun dan menaik taraf landskap serta menyenggara taman awam. Permohonan untuk peruntukan dan kertas kerja telah dikemukakan kepada KP KT melalui Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 namun masih tiada maklum balas.

Pada pendapat Audit, perancangan pembangunan landskap adalah baik. Namun disebabkan tiada peruntukan hanya 2 daripada 8 pembangunan landskap yang dapat dilaksanakan oleh Majlis dalam tempoh 10 tahun.

3.4.2. Prestasi Penanaman Pokok Berbanding Sasaran

3.4.2.1. Majlis telah menyediakan sasaran penanaman pokok utama/teduhan dari jenis antaranya pokok *bucida*, kemboja dan *cassia* serta pokok renek daripada jenis bunga raya. Ini adalah selaras dengan Program Kempen Menanam Pokok di seluruh negara yang pada asalnya dilancarkan pada tahun 1997 dan masih dilaksanakan sehingga kini. Pihak yang memantau kempen ini adalah Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak. Lima belas PBT di negeri Perak terlibat dengan program ini dan setiap PBT dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan dan gambar tanaman pokok yang ditanam setiap suku tahun kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK. Butiran lanjut mengenai sasaran dan pencapaian penanaman pokok di daerah Manjung oleh Majlis adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Sasaran Dan Pencapaian Sebenar Penanaman Pokok
Oleh Majlis Pada Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Sasaran Setahun (Unit)	Pencapaian Sebenar Setahun (Unit)	Peratus Pencapaian (%)
2013	1,500	534	35.6
2014	1,500	2,016	134.4
2015	1,500	2,658	177.2
Jumlah	4,500	5,208	115.7

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

3.4.2.2. Berdasarkan **Jadual 3.5**, analisis Audit terhadap pencapaian sebenar penanaman pokok berbanding sasaran bagi tahun 2013 mendapat hanya 534 daripada 1,500 atau 35.6% pokok dapat ditanam. Bagi tahun 2014 dan 2015 pula, sasaran penanaman pokok dapat dicapai malahan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing sebanyak 134.4% dan 177.2%. Semakan Audit selanjutnya mendapat pihak Majlis mencapai sasaran penanaman pokok selepas mengambil kira juga pokok-pokok yang ditanam oleh pelbagai pihak seperti pemaju perumahan, pihak individu, pihak badan sukarela dan bukan kerajaan.

3.4.2.3. Sistem Inventori Pokok Teduhan

- a. Pihak Majlis mempunyai satu sistem perekodan berkomputer dinamakan Sistem Inventori Penyelenggaraan Pokok Ameniti (SIP). Sistem ini merekodkan semua stok pokok teduhan berusia 15 tahun ke atas yang ditanam di daerah Manjung. Pihak Majlis mendapatkan khidmat sebuah syarikat konsultan *arborist* bertauliah/*certified arborist* dengan bayaran sejumlah RM139,023. Antara skop kerja syarikat ini adalah menjalankan penilaian pokok bernilai tinggi, penilaian umum pokok berisiko serta membantu membangunkan sistem inventori pokok untuk pihak Majlis. Setakat bulan Disember 2015, sebanyak 1,580 pokok telah direkodkan yang keseluruhannya bernilai RM50.80 juta. Data inventori pokok teduhan yang direkodkan dalam sistem ini adalah seperti kod inventori pokok, nilai pokok, koordinat lokasi pokok, jenis pokok, pihak menanam, usia pokok, spesies pokok, nama tempatan dan nama botani dan sebagainya. Melalui sistem ini, pihak Majlis dapat menjalankan perancangan, penyenggaraan dan pemantauan dengan lebih berkesan. Mengikut senarai penyenggaraan pokok teduhan, Majlis mempunyai sebanyak 23,011 pokok teduhan setakat tahun 2015 yang berusia antara 1 hingga 36 tahun. Daripada 23,011 pokok, sebanyak 15,538 pokok berusia 15 tahun ke atas. Bagaimanapun, semakan Audit mendapat setakat bulan Disember 2015 hanya 1,580 pokok berusia 15 tahun ke atas yang telah dimasukkan data ke dalam sistem. Selain itu, didapati hanya 198 pokok yang telah diberikan tanda pengenalan/*tagging* di lapangan oleh *arborist* yang dilantik.

- b. Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 28 Julai 2016, Unit Landskap Majlis sedang dalam proses mengambil tindakan melabel/tagging semua pokok teduhan dengan lebih sistematik dan berjadual serta memastikan proses merekod dan memantau dilakukan secara berjadual/berkala. Manakala bagi pokok yang bernilai tinggi, Unit Landskap Majlis bercadang untuk melantik kontraktor/arborist yang berkelayakan untuk menilai dan melabel pokok tersebut dengan lebih terperinci mengikut kelas atau piawaian arborist.

3.4.2.4. Prestasi Penyenggaraan Pokok Teduhan

- a. Mengikut Garis Panduan Landskap 2015 Majlis, enam jenis penyenggaraan hendaklah dilakukan terhadap pokok teduhan iaitu penyiraman, pembajaan, penyulaman, penjarangan, pemangkasan dan penilaian pokok berisiko. Majlis menetapkan jadual penyenggaraan dan kekerapan penyenggaraan dilakukan berdasarkan garis panduan tersebut iaitu pemangkasan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun manakala lain-lain senggaraan adalah mengikut keperluan dan kekerapan yang ditetapkan. Setakat akhir tahun 2015, sebanyak 23,011 pokok teduhan berusia antara 1 hingga 36 tahun yang ditanam di kawasan perbandaran Manjung dan disenggara di 8 taman awam, 2 kawasan perindustrian, 6 kawasan peranginan, 22 laluan/jalan dan 132 taman perumahan awam. Pokok teduhan yang ditanam adalah daripada pelbagai spesies antaranya *bucida molineti*, *acacia mangium*, *casuarina*, *cocos nucifera* dan sebagainya. Penyenggaraan telah dijalankan oleh pihak Majlis dan juga kontraktor yang dilantik.
- b. Semakan Audit mendapati setiap pokok teduhan telah disenggarakan sebanyak 3 kali dalam tempoh 3 tahun iaitu pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dan didapati ia dilaksanakan mengikut jadual kekerapan serta pusingan penyenggaraan yang ditetapkan. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, sebanyak 66,127 pokok disenggarakan oleh Majlis manakala selebihnya sebanyak 2,167 pokok disenggarakan oleh kontraktor yang dilantik. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Bilangan Pokok Teduhan Yang Disenggara Bagi Tempoh Tahun 2013 hingga 2015

Tahun	Bilangan Pokok Teduhan	Tanam	Lupus/ Mati	Penambahan/ (Kurangan)	Peratus (%)	Bilangan Pokok Disenggara	
						Majlis	Kontraktor
2012	22,452	-	-	-	-	-	-
2013	22,424	40	68	(28)	-0.1	21,934	490
2014	22,859	480	45	435	1.9	21,911	948
2015	23,011	240	88	152	0.6	22,282	729
Jumlah	90,746	760	201	559	2.4	66,127	2,167

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

- c. Analisis Audit berdasarkan **Jadual 3.6**, mendapati bilangan pokok teduhan meningkat sebanyak 1.9% pada tahun 2014 dan 0.6% pada tahun 2015. Manakala berlaku kurangan sebanyak 0.1% pada tahun 2013 selepas mengambil kira pokok yang dilupus/mati melebihi pokok yang ditanam pada tahun berkenaan.

Pada pendapat Audit, prestasi penanaman dan penyenggaraan pokok adalah baik kerana Majlis telah dapat menanam pokok melebihi sasaran yang ditetapkan.

3.4.3. Prestasi Pelaksanaan Penyenggaraan Landskap

3.4.3.1. Penyenggaraan landskap adalah untuk memastikan landskap yang telah dibangunkan berada dalam keadaan baik supaya objektif membangunkan landskap dapat dicapai. Kerja penyenggaraan landskap perlu dijalankan secara berkala oleh Majlis dan kontraktor yang dilantik bagi mengelakkan kerosakan kepada landskap sama ada kejur atau lembut. Semakan Audit mendapati sebanyak 67 projek/kerja penyenggaraan taman permainan telah dijalankan melibatkan kos sejumlah RM473,637 bagi tempoh 2013 hingga 2015. Daripada 67 projek, sebanyak 54 baucar bayaran bernilai RM390,752 merangkumi 29 lokasi dipilih untuk semakan dan lawatan Audit. Selain itu, 30 lokasi taman permainan berdasarkan senarai taman Majlis turut dipilih sebagai sampel untuk lawatan bagi meninjau keadaan taman tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua 54 projek/kerja penyenggaraan telah dijalankan mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan ditemui semasa lawatan Audit seperti berikut:

a. Landskap Kejur Mengalami Kerosakan

- i. Lawatan Audit pada bulan Mac dan April 2016 ke tapak landskap kejur di 59 lokasi di taman awam dan taman permainan kanak-kanak di 6 Zon iaitu Sitiawan, Beruas, Pangkor, Lumut, Ayer Tawar dan Seri Manjung mendapati 21 daripada 59 taman dalam keadaan baik manakala 38 taman permainan mempunyai peralatan yang rosak kerana lusuh tidak disenggara, perbuatan vandalisme dan juga tapak permainan yang dicerobohi. Daripada 38 taman permainan, didapati 32 peralatan lusuh dan rosak, 28 peralatan rosak kerana vandalisme dan 9 kawasan taman diceroboh. Antara contoh jenis kerosakan yang berlaku adalah seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**.

Gambar 3.3
Papan Gelongsor Pecah Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Fasa 3C, Manjung
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 3.4
Peralatan Permainan Rosak Kerana Vandalsme



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Seri Pangkor, Pulau Pangkor
Tarikh: 24 Mac 2016

- ii. **Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 11 Julai 2016, taman awam, kawasan lapang dan taman permainan adalah kawasan awam yang sukar dipantau. Ini adalah kerana sikap individu, tiada semangat kejiran dan tiada sikap bertanggungjawab terhadap hak milik awam.**

b. Kelemahan Penyenggaraan Lanskap Kejur Dan Lembut Di Taman Awam

- i. Enam taman awam dipilih iaitu Taman Paya Bakau di Manjung, Lumut Waterfront, Jetty Wing, Marina Wing dan Teluk Batik di Lumut serta Kota Belanda di Pulau Pangkor bagi tujuan meninjau keadaan lanskap di taman-taman berkenaan. Adalah didapati beberapa kerosakan di taman awam berlaku di Lumut dan Manjung manakala di Pulau Pangkor adalah baik. Kerosakan yang ditemui antaranya adalah siling wakaf rosak dan bocor, papan tanda peringatan luntur cat dan tulisan, keretakan pada tile konkrit jalan serta pokok renek mati dan tidak hidup subur. Antara contoh kerosakan adalah seperti di **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.8**.

Gambar 3.5
Siling Wakaf Rosak Dan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Lumut Waterfront, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.6
Keretakan Pada Lantai Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Jetty Wing, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.7
Muzium Siput Dan Landskap Lembut
Di Laman Sekelilingnya Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Teluk Batik, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.8
Keretakan Pada Jeriji Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Awam Teluk Batik, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

- ii. **Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 28 Julai 2016, kerosakan di taman awam iaitu di Taman Lumut Waterfront, Jetty Wing, Marina Wing dan Teluk Batik adalah tidak kritikal dan masih selamat untuk digunakan oleh orang awam. Pihak Majlis sentiasa melakukan pemberian dari semasa ke semasa.**

iii. **Taman Paya Bakau, Seri Manjung Mengalami Kerosakan**

- Pada tahun 2014, laluan pelantar kayu ini telah disenggara dengan kos RM141,980 menggunakan peruntukan dari Jabatan Landskap Negara melalui Pejabat SUK Negeri Perak namun senggaraan yang dilakukan hanya untuk laluan pelantar kayu sepanjang 100 meter. Lawatan Audit pada 30 Mac 2016 mendapati laluan pelantar kayu rosak sepanjang 200 meter, 15 daripada 20 bangku rosak, 9 daripada 20 tong sampah rosak, 15 lampu taman rosak, anak tangga menaiki titi gantung rosak dan 3 papan tanda kenyataan dan 5 papan informatif rosak serta lain-lain lagi kerosakan. Pada bulan Januari 2016, sebahagian taman awam ini telah ditutup kepada orang awam atas faktor keselamatan kerana laluan pelantar kayu yang rosak dan reput. Mengikut statistik pihak Majlis, setakat bulan Disember 2015, sejumlah 1.25 juta pelancong telah datang ke taman ini bagi tempoh 6 tahun daripada tahun 2010 hingga 2015. Antara contoh kerosakan adalah seperti di **Gambar 3.9 hingga Gambar 3.12.**

Gambar 3.9
Laluan Pelantar Kayu Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Paya Bakau, Seri Manjung
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.10
Anak Tangga Titi Gantung Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Paya Bakau, Seri Manjung
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.11
Bangku Kayu Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Paya Bakau, Seri Manjung
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.12
Lampu Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Paya Bakau, Seri Manjung
Tarikh: 30 Mac 2016

- **Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 28 Julai 2016, sebahagian pelantar kayu di Taman Paya Bakau telah ditutup kepada orang awam kerana boleh membahayakan pengunjung taman. Papan tanda amaran dan makluman melalui akhbar juga telah dibuat. Kerosakan kepada pelantar kayu adalah kerana kayu yang mereput disebabkan air masin dan faktor cuaca.**

Pada pendapat Audit, pengurusan landskap di taman awam adalah kurang memuaskan dan memerlukan penyenggaraan supaya matlamat pembinaannya tercapai.

3.4.4. Perolehan Bekalan Lampu Taman Dan Lampu Hiasan

3.4.4.1. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM1.20 juta dan membelanjakan sejumlah RM1.01 juta bagi membeli lampu taman dan lampu hiasan daripada 16 pembekal. Sebanyak 30 daripada 60 baucar bayaran bernilai

RM0.79 juta dipilih untuk tujuan semakan dan pengesahan. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke stor Kejuruteraan Majlis mendapati lampu hiasan ketupat dan tanglung yang dibeli pada tahun 2014 dan 2015 dengan kos RM125,941 disimpan di stor berkenaan dan ada sebahagiannya yang telah rosak seperti di **Gambar 3.13** dan **Gambar 3.14**. Pihak Audit dimaklumkan, lampu hiasan tersebut hanya digunakan satu atau 2 kali setahun dan digantung di tiang-tiang lampu hanya pada bulan perayaan.

Gambar 3.13
Lampu Hiasan Ketupat
Dan Tanglung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Kejuruteraan Majlis, Manjung
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 3.14
Lampu Hiasan Ketupat
Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Kejuruteraan Majlis, Manjung
Tarikh: 1 Jun 2016

3.4.4.2. Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 28 Julai 2016, kesemua lampu ketupat dan tanglung dipasang mengikut musim perayaan. Lampu tersebut telah diguna pakai berulang kali dan terdedah kepada kerosakan. Pihak Majlis menyimpan lampu ketupat dan tanglung di stor sebagai alat ganti kepada lampu yang lain. Tindakan pelupusan akan dilaksanakan bagi komponen lampu yang telah rosak.

3.4.4.3. Pihak Audit memilih 10 lokasi jalan-jalan utama sekitar bandar Seri Manjung dan Lumut untuk dilawati iaitu antaranya Jalan Sitiawan, Jalan Iskandar Shah, Jalan Titi Panjang dan Jalan Changkat Jering-Seri Manjung-Kampung Koh untuk meninjau keadaan lampu hiasan dan taman di sebelah malam. Lawatan Audit pada 30 Mac 2016 ke 10 lokasi mendapati 27 lampu pokok hiasan LED *Maple Tree* di Jalan Sitiawan dan Jalan Changkat Jering-Sri Manjung-Kampung Koh, lampu-lampu *Snow Drop* yang digantung di 8 pokok di kawasan Taman Awam Lumut Waterfront dan Marina Wings, 46 lampu *Bollards* di tepi jalan masuk ke Jetty Wing tidak berfungsi/menyala. Antara contoh adalah seperti di **Gambar 3.15** hingga **Gambar 3.18**.

Gambar 3.15
Pokok Lampu Hiasan *Maple Tree*
Yang Tidak Menyala/Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sitiawan, Manjung
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.16
Lampu *Bollards*
Tidak Menyala/Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan Masuk Jetty Wings, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.17
Lampu Hiasan *Snow Drop* Tidak Berfungsi/Menyala Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Titi Panjang, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 3.18
Lampu Hiasan *Snow Drop* Tidak Berfungsi/Menyala Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Titi Panjang, Lumut
Tarikh: 30 Mac 2016

3.4.4.4. Mengikut maklum balas Majlis bertarikh 28 Julai 2016, pihak Majlis telah mengambil tindakan membaiki lampu hiasan yang tidak berfungsi atau menyala pada 11 Julai hingga 22 Julai 2016. Bagi lampu hiasan *Maple Tree* yang tidak menyala atau berfungsi di Jalan Sitiawan, Manjung, lampu tersebut dipasang oleh syarikat swasta yang mengambil bahagian mengindah dan menceriakan daerah Manjung. Pihak Majlis telah menghubungi syarikat berkenaan untuk tindakan pembaikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bekalan lampu taman dan lampu hiasan Majlis adalah memuaskan kerana tindakan segera sedang diambil untuk membaiki kerosakan yang berlaku.

3.4.5. Pengurusan Aduan Awam

3.4.5.1. Orang awam boleh membuat aduan kepada Majlis melalui 8 saluran iaitu telefon *Hotline*, datang sendiri ke pejabat Majlis, telefon biasa, e-mel, menulis surat, laman web Majlis, mySMS 15888 dan faks. Mengikut Piagam Pelanggan Majlis, setiap aduan yang berkaitan dengan pokok disiasat dan akan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari. Berdasarkan rekod Majlis, pada tahun 2013 hingga 2015, Unit Landskap, Jabatan Perancang Bandar menerima sebanyak 531 aduan orang awam berkaitan dengan pokok yang perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari dan daripada 531 aduan, 527 kes telah diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti **di Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Tempoh Masa Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Aduan Berkaitan Pokok

Tahun	Bilangan Aduan Diterima	Bilangan Kes Aduan Dapat Diselesaikan		Peratus Dalam Tempoh 14 Hari (%)
		1-14 hari	>15 hari	
2013	142	142	-	100
2014	144	144	-	100
2015	245	241	4	98.4
Jumlah	531	527	4	99.2

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung

3.4.5.2. Semakan Audit mendapati 99.2% iaitu 527 kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan Piagam Pelanggan manakala hanya 0.8% yang melebihi 15 hari. Majlis menjelaskan bahawa aduan awam yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari adalah kerana pokok yang tinggi melebihi 5 meter ke atas memerlukan kren disewa untuk menyelesaikan masalah dan ini melibatkan kos sewaan yang tinggi.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan awam adalah baik kerana tindakan yang dilaksanakan oleh Unit Landskap, Jabatan Perancang Bandar Majlis menyelesaikan kes aduan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelangan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan projek landskap dan pengindahan bandar, pihak Majlis disyorkan supaya mengambil tindakan berterusan dengan melaksanakan penyenggaraan dan pemantauan secara berkala terhadap kerja penyenggaraan, pencahayaan dan landskap bagi memastikan kawasan perbandaran Manjung sentiasa indah dan ceria.

MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

MAJLIS DAERAH SELAMA

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dan Majlis Daerah Selama (MDS) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Tatacara perolehan PBT adalah tertakluk juga kepada Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Antara tanggungjawab MPKK dan MDS ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Setiap Jabatan di kedua-dua Majlis bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti, berekonomi, keberkesanan dan kecekapananya selain daripada mengambil kira kepentingan Kerajaan agar terjamin. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis.

4.1.2. Selain daripada menggunakan peruntukan sendiri, MPKK dan MDS turut menerima sumber peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan perolehan. Pada tahun 2013 hingga 2015, kedua-dua Majlis telah membuat perolehan secara sebut harga dan pembelian terus. Hanya MPKK melaksanakan 2 perolehan secara tender pada tahun 2015. Maklumat berkaitan bilangan dan nilai perolehan MPKK dan MDS adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pecahan Mengikut Kaedah Perolehan MPKK Dan MDS
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

PBT	Tahun	Kaedah Perolehan					Jumlah		
		Tender		Sebut Harga		Pembelian Terus			
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
MPKK	2013	0	0	60	5.75	124	0.48	184	6.24
	2014	0	0	29	4.80	150	0.65	179	5.45
	2015	2	2.54	39	3.54	134	0.82	175	6.89
Jumlah		2	2.54	128	14.09	408	1.95	538	18.58
MDS	2013	0	0	13	1.51	282	0.56	295	2.07
	2014	0	0	15	2.25	275	0.68	290	2.93
	2015	0	0	13	2.16	237	0.32	250	2.48
Jumlah		0	0	41	5.92	794	1.56	835	7.48

Sumber: MPKK Dan MDS

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja dan bekalan telah dirancang serta diurus dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 di MPKK dan MDS yang dibiayai oleh peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan PBT. Pemilihan sampel pengauditan adalah sekurang-kurangnya 20% daripada setiap jenis perolehan PBT. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih dan temu bual juga telah dijalankan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama-sama Yang Dipertua MPKK dan MDS telah diadakan pada 26 Julai 2016 yang turut dihadiri Ketua Audit Dalam dan Akauntan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil Pejabat Kewangan Negeri.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MPKK adalah kurang memuaskan. Manakala pengurusan perolehan di MDS adalah memuaskan. Kesemua Jawatankuasa yang diperlukan seperti Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan di MPKK dan MDS. Manakala perolehan tender dan sebut harga bagi perolehan kerja dan bekalan di MPKK dan MDS telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan berkaitan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh kedua-dua Majlis adalah seperti berikut:

- Kualiti kerja pembinaan, bekalan dan pemasangan kurang memuaskan dari aspek tiada arahan perubahan kerja bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan di luar skop.
- Kelemahan pengurusan kontrak.
- Kemudahan yang dibina tidak digunakan dan disenggara.

4.4.1. Prestasi Perolehan

4.4.1.1. Prestasi Perolehan Tender, Sebut Harga Dan Pembelian Terus

- a. Pelaksanaan perolehan oleh MPKK dan MDS dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan selain permohonan daripada orang awam dan Ahli Majlis. Dalam melaksanakan perolehan, MPKK dan MDS menerima pakai

peraturan perolehan sebagaimana kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Perbendaharaan, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) serta Pekeliling dan Surat Pekeliling berkaitan pengurusan perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Pejabat Kewangan Negeri dari semasa ke semasa. Antaranya perolehan hendaklah menguntungkan Kerajaan berdasarkan faktor harga, perkhidmatan atau kegunaan barang, kualiti, kuantiti, tempoh siap-serahan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan.

- b.** Bagi tahun 2013 hingga 2015, MPKK telah membuat 538 perolehan bernilai RM18.58 juta melalui kaedah perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 408 perolehan kerja dan bekalan di MPKK adalah melalui kaedah pembelian terus yang melibatkan RM1.95 juta. Bagi kaedah sebut harga pula, sejumlah 128 perolehan berjumlah RM14.09 juta telah dibelanjakan bagi perolehan kerja dan bekalan. Hanya 2 perolehan kerja bernilai RM2.54 juta yang melibatkan perolehan secara tender.
- c.** Bagi MDS pula, sejumlah 835 perolehan bernilai RM7.48 juta dibuat melalui kaedah perolehan secara sebut harga dan pembelian terus pada tahun 2013 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 794 perolehan kerja dan bekalan di MDS adalah melalui kaedah pembelian terus yang melibatkan RM1.56 juta. Bagi kaedah sebut harga pula, sejumlah 41 perolehan berjumlah RM5.92 juta telah dibelanjakan bagi perolehan kerja.
- d.** Butiran terperinci bilangan perolehan dan perbelanjaan mengikut kaedah perolehan MPKK dan MDS adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kaedah Perolehan MPKK Dan MDS
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan		Perbelanjaan (RM Juta)	
		MPKK	MDS	MPKK	MDS
1.	Tender	2	0	2.54	0
2.	Sebut Harga	128	41	14.09	5.92
3.	Pembelian Terus	408	794	1.95	1.56
Jumlah		538	835	18.58	7.48

Sumber: MPKK Dan MDS

4.4.1.2. Prestasi Pelaksanaan Perolehan

a. Kos Projek Melebihi Peruntukan

- i. Arahan Pelaksanaan Projek Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM1.83 juta bagi membiayai projek pembinaan Krematorium di Tanah Perkuburan Hindu, Sungai Siput. Sehubungan itu, Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri Perak melalui tender terbuka

telah menawarkan kontrak kepada syarikat Maximum Ringgit Services dengan kos projek asal sejumlah RM1.78 juta. Antara komponen pembinaan Krematorium adalah 2 *Cremator* (alat pembakar), bilik perbincangan (gazebo), kuarters dan tandas.

- ii. Berdasarkan *Bill G: Provisional Sums* - Senarai Kuantiti kontraktor, kerja utama membekal dan memasang 2 *cremator* sejumlah RM0.75 juta telah diklasifikasikan sebagai *Prime Cost*. Manakala sejumlah RM60,000 untuk kerja-kerja landskap serta *signage* adalah di bawah *Provisional Cost*. Semakan Audit mendapati, jumlah RM0.81 juta ini akan ditolak daripada bayaran kepada kontraktor asal. Ini disebabkan MPKK telah melantik kontraktor lain iaitu Bionic Vision Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kerja-kerja melibatkan *Prime Cost* yang sepatutnya bernilai RM0.75 juta. Manakala anggaran Jabatan untuk kerja-kerja *Prime Cost* tersebut adalah berjumlah RM0.76 juta. Pihak Audit mendapati MPKK telah menawarkan secara sebut harga kerja-kerja membekal dan memasang 2 *cremator* kepada Bionic Vision Sdn. Bhd. sejumlah RM0.85 juta menyebabkan sejumlah RM94,820 telah melebihi amaun *prime cost* dan RM87,055 melebihi anggaran Jabatan.
- iii. Semakan Audit juga mendapati surat permohonan peruntukan tambahan kepada UPP bertarikh 14 Januari 2016 menyatakan kos keseluruhan projek pembinaan ini berjumlah RM2 juta meningkat sejumlah RM179,197 atau 9.8%. Bagaimanapun permohonan tambah peruntukan ini ditolak oleh pihak UPP melalui surat bertarikh 26 Januari 2016. Kelemahan perancangan MPKK bagi projek yang dilaksanakan menyebabkan kos projek melebihi peruntukan sejumlah RM179,197. Butiran terperinci kos keseluruhan projek ini adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3
Kos Keseluruhan Projek Pembinaan Krematorium Sehingga 14 Januari 2016**

Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan	Nama Kontraktor	Kuasa Melantik/ Melulus	Tarikh Surat SetujuTerima/ Invois	Kos (RM Juta)
Pembinaan Krematorium Tanpa 2 <i>cremator</i>	Maximum Ringgit Services	Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri Perak	15.05.2015	0.97
Membekal dan memasang 2 <i>cremator</i>	Bionic Vision Sdn. Bhd.	Lembaga Perolehan MPKK	12.11.2015	0.85
Bayaran ikhtisas dan perkhidmatan perunding	Seri Jurutera Perunding	Mesyuarat Penuh Ahli Ahli Majlis	5.03.2015	0.18
Kerja siasatan dan ukur tanah	All Geomatic Services dan Propocon Sdn. Bhd.	Perunding	3.09.2015	0.00
Jumlah				2.00

Sumber: MPKK

- iv. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, pihak MPKK menerima arahan pelaksanaan projek dan telah mencuba sedaya upaya mendapatkan maklumat berkaitan pembinaan projek daripada lain-lain PBT dan Jabatan Kerja Raya kerana MPKK tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan projek terbabit. Peningkatan kos pembinaan adalah berpunca daripada anggaran kos kerja-kerja membekal dan memasang 2 *cremator* yang dibuat pada tahun 2013 adalah tanpa kenaan *Goods and Services Tax (GST)* bernilai RM47,820, kenaikan harga barang kesan pertukaran mata wang asing kerana *cremator* terbabit diimport dari China, bayaran kepada perunding sejumlah RM178,007 dan kerja-kerja luar jangka iaitu kerja ukur tanah berjumlah RM16,300. Surat rayuan permohonan tambahan peruntukan sejumlah RM179,197 telah dihantar kepada UPP pada 3 Ogos 2016. Pihak MPKK tidak akan menanggung kos projek ini kerana MPKK hanya bertindak sebagai agensi pelaksana.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan di MPKK kurang memuaskan. Perancangan projek masih perlu dilaksanakan dengan lebih teliti supaya kos projek tidak melebihi peruntukan. Sekiranya MPKK gagal mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, MPKK perlu mendapatkan nasihat daripada Kerajaan Negeri untuk meneliti tindakan yang perlu diambil bagi menyelesaikan baki kos sebenar yang telah melebihi peruntukan.

4.4.2. Tiada Arahan Perubahan Kerja Bagi Kerja-Kerja Yang Dilaksanakan

Perubahan kerja bermaksud sebarang pertambahan, pengurangan pengantian atau perubahan yang berlaku terhadap spesifikasi, lukisan atau kuantiti pada sesuatu kontrak. Semakan Audit mendapati 11 daripada 32 atau 34.4% dan 11 daripada 39 atau 28.2% perolehan kerja yang dilaksanakan dalam tahun 2013 hingga 2015 masing-masing di MPKK dan MDS dibayar sepenuhnya tanpa Arahan Perubahan Kerja (APK) walaupun kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan di luar skop kerja. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

4.4.2.1. Kerja-kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

- Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan, butir-butir kerja dalam dokumen sebut harga dan arahan dari Pegawai Inden atau wakilnya. Antara contoh senarai projek yang tidak mengikut spesifikasi adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Senarai Projek Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Butiran Projek	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM)
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar				
1.	Menaik taraf Resort Sungai Perak	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja membuka jubin asal yang sudah rosak teruk dan mengganti baru kepada kemasan lantai jenis jubin 2'x1' di 4 lokasi di bawah. Harga kos berjumlah RM140,781. <ul style="list-style-type: none"> • 4 bilik VVIP = 232.88m² • Bangunan pameran = 175.44m² • Blok baru (10 bilik) = 507m² • Blok lama (12 bilik) = 457.10m² ii. Membuka jubin asal bilik air dan memasang jubin baru jenis homogenius/setara di 2 lokasi. Harga kos pemasangan jubin berjumlah RM78,152. <ul style="list-style-type: none"> • 30 bilik air = 717.6m² • Surau = 94.8m² iii. Kerja-kerja membekal dan memasang kelengkapan-kelengkapan untuk 30 unit bilik air dengan kos berjumlah RM43,500 iv. Kerja-kerja membuat pemasangan semula sistem paip dalam (<i>cold & hot water system</i>) di bilik air termasuk sambungan dari paip luaran lengkap dengan kerja-kerja penyudahnya. Harga kos RM30,000. v. Bekal dan pasang 20 unit bingkai serta pintu <i>sliding</i> yang reput dan rosak. Harga kos berjumlah RM16,600. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Jubin baru hanya diganti di 4 bilik VIP sahaja. Jubin di bangunan pameran, bilik di blok baru dan lama masih tidak diganti baru seperti di Gambar 4.1. ii. Jubin baru hanya diganti di 4 bilik air VIP sahaja. Tiada jubin dipasang di 26 bilik air dan surau. iii. Hanya memasang kelengkapan-kelengkapan bilik air di 4 unit bilik air VIP. iv. Tiada bukti kerja-kerja pemasangan semula sistem paip dalam dibuat. v. Hanya menggantikan 16 unit bingkai serta pintu <i>sliding</i> yang reput sahaja. Tiada bukti baki 4 unit lagi dipasang. 	760,739

Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, kerja-kerja menaik taraf resort telah diperakukan siap pada 15 Mei 2016. Kurangan kos sejumrah RM245,003 telah digantikan dengan kerja-kerja lain mengikut keperluan di tapak yang dianggarkan berjumlah RM248,072. Bagaimanapun, pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.

Bil.	Butiran Projek	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM)
2.	Menaik taraf Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Di Taman Laman Budaya	i. Kerja-kerja membina 34 unit tiang konkrit bertetulang bersaiz 9" x 9" setinggi 1.21m sejarak 2.74m. Harga Kos berjumlah RM10,540. ii. Kerja-kerja membuka semula bata laluan pejalan kaki dan menghampar pasir setebal 6-8" dan menyusun semula paver tersebut untuk memberi paras yang sesuai untuk aliran air hujan. Harga kos untuk 720m ² paver berjumlah RM5,472.	i. Hanya membina 26 unit tiang konkrit. Tiada bukti 8 unit tiang dibina. ii. Paver yang dipasang hanya dengan keluasan 465m ² .	388,217
Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, kurangan kos sejumlah RM4,650 telah digantikan dengan kerja-kerja mengikat bata di atas L-shape dan di tepi siar kaki yang tiada dalam spesifikasi kerja. Pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.				
3.	Membina Gerai Di Jalan Dato' See Khoon Lim Sungai Siput	i. Membekal dan memasang 24 unit kipas angin siling di 4 buah gerai berserta pin plug bernilai RM6,480. ii. Membekal dan memasang 1 set Pili Bomba bernilai RM3,000.	i. Hanya 12 unit kipas yang dipasang di 4 buah gerai. Baki 12 unit tidak dipasang. ii. Pili Bomba tidak dipasang.	269,843
Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, kurangan kos terhadap kerja-kerja di dalam spesifikasi telah digantikan dengan pembinaan lantai simen di belakang kedai yang dianggarkan bernilai RM9,370. Pihak MPKK akur tentang kekurangan dan mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.				
4.	Bina Baru Lain-Lain Projek Medan Selera Di Jalan Dato' See Khoon Lim Sungai Siput	i. Membekal dan memasang 18 unit kipas angin siling di 3 buah gerai berserta pin plug bernilai RM10,440. ii. Membekal dan menghampar lapisan crusher run wearing coursed premixed lengkap dengan bitumen emulsion dengan keluasan 1,500m ² bernilai RM58,500.	i. Hanya 9 unit kipas yang dipasang di 3 buah gerai. Baki 9 unit tidak dipasang. ii. Hanya membekal dan menghampar lapisan crusher run wearing coursed premixed lengkap dengan bitumen emulsion dengan keluasan 651.37m ² yang dianggarkan bernilai RM25,403 sahaja.	269,292
Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, akibat kurangan kerja membekal dan menghampar lapisan crusher run wearing coursed premixed lengkap dengan bitumen emulsion, kerja pembinaan dinding penahan tanah batu bundu lebih perlu dilaksanakan sebagai penahan tanah longkang konkrit di belakang gerai terbabit. Anggaran kos dinding penahan berjumlah RM37,000. Bagaimanapun, pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.				

Bil.	Butiran Projek	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM)
5.	Menaik taraf Dewan Sungai Siput (U)	Kerja-kerja menyenggara serta mengisi semula gas bagi 10 unit penyaman udara dengan kos RM12,203. Bekal dan pasang penghawa dingin 4hp lengkap dengan kerja-kerja pendawaian serta lain-lain kelengkapan. Harga kos penghawa dingin berjumlah RM7,364 seunit.	Tiada bukti satu unit penghawa dingin 4hp di bekal dan dipasang.	198,855
Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, satu penghawa dingin yang dibekal tersebut adalah salah satu daripada 10 unit penghawa dingin yang terdapat di dalam Dewan Sungai Siput berkenaan. Manakala hanya 9 unit daripada 10 unit penghawa dingin di dalam dewan berkenaan yang disenggara di bawah projek naik taraf ini. Baki 1 unit penghawa dingin yang turut disenggara adalah di dalam Pejabat MPKK Cawangan Sungai Siput. Pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.				
6.	Membina Baru Surau Di Persisiran Sg.Perak	i. Kerja-kerja membuat kemasan dinding seperti dinding bahagian dalam, dinding sesekat, dinding tempat wuduk adalah daripada kemasan jubin setinggi 2 meter dari paras lantai berukuran 136.08m ² dengan kos berjumlah RM17,690. ii. Bekal dan pasang <i>iron grill</i> pada pintu dan tingkap surau dengan kos berjumlah RM2,160. iii. Bekal dan pasang 6 unit kipas angin siling bernilai RM1,980. iv. Berdasarkan pelan lukisan tingkap perlu dibina daripada jenis berbingkai aluminium dan kaca dedaun ram dengan tingkap kaca tetap di atas dan di bawah seperti pelan di Gambar 4.3 .	i. Hanya membuat dinding dalam jubin berukuran 71.39m ² . Kurangan pemasangan kemasan jubin sebanyak 64.69m ² dianggarkan bernilai RM8,410. ii. Tiada bukti <i>iron grill</i> pada pintu dan tingkap surau dipasang. Sebaliknya kontraktor memasang pintu pagar tepi dan hadapan yang tiada dalam spesifikasi seperti di Gambar 4.2 . iii. Tiada kipas angin siling dipasang sebaliknya bekal dan pasang 7 unit kipas angin dinding. iv. Bilangan tingkap yang dibina tidak mengikut pelan lukisan seperti di Gambar 4.4 .	194,352
Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, atas kehendak dan keperluan di tapak, terdapat beberapa perkara yang menyebabkan perubahan kerja. Kurangan kos sejumlah RM11,149 telah digantikan dengan kerja-kerja lain yang dianggarkan berjumlah RM15,320. Bagaimanapun, pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.				

Bil.	Butiran Projek	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM)
7.	Membina Ruang Niaga Di Taman Bunga Raya, Kuala Kangsar	<p>i. Pintu daripada jenis "Roller Shutter" untuk pintu utama dan pintu belakang bernilai RM2,000 daripada jenis panel berdasarkan Pelan Lukisan seperti di Gambar 4.5.</p> <p><u>Pembinaan Penutup Bumbung Di Persiaran Sungai Perak</u></p> <p>ii. Kerja-kerja membekal dan memasang penutup bumbung daripada metal deck lengkap dengan tiang besi mengikut saiz seperti yang dinyatakan di dalam pelan berkepil. ($58.2m \times 3m = 174.6m^2$) (RM28,166)</p>	<p>i. Pintu di bahagian belakang kedai tidak dibina mengikut pelan lukisan seperti di Gambar 4.6. Hanya 1 pintu utama dibina.</p> <p>ii. Tiada sebarang pembinaan penutup bumbung di lokasi projek di Taman Bunga Raya sebaliknya kerja-kerja pembinaan penutup bumbung telah dibina di lokasi lain iaitu di Gerai Persisiran Sungai Perak.</p>	128,300

Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 2 Ogos 2016, pintu tersebut tidak dibina kerana boleh menjelaskan keselamatan dan dikhuatiri penyewa akan membuat sambungan gerai tanpa kebenaran. Pembinaan penutup bumbung di Persisiran Sungai Perak terpaksa menggunakan sebahagian kecil peruntukan projek terbabit kerana kegawatan kewangan MPKK dan tiada peruntukan bagi projek sekitar Persisiran Sungai Perak pada waktu tersebut. Bagaimanapun, pihak MPKK mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan akan melantik Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk projek akan datang.

Majlis Daerah Selama

1.	Membina Dewan Di Taman Kaya	<p>i. Berdasarkan Pelan Lukisan, bilangan dinding PVC lut sinar yang perlu dipasang seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian sisi kiri dan kanan – 12 unit. • Bahagian depan dan belakang – 9 unit. <p>Kos pukal kerja-kerja pembinaan dinding berjumlah RM14,000.</p>	<p>i. Bilangan dinding PVC lut sinar dipasang tidak mengikut pelan lukisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian sisi kiri dan kanan hanya 6 unit yang dipasang. • Bahagian depan dan belakang hanya 6 unit yang dipasang. 	198,610
2.	Cadangan Membina Baru Dewan Di Dataran Selama	<p>i. Bekal dan pasang 6 unit pintu jenis panel 1 daun lengkap dengan segala kelengkapan yang berkaitan. Jumlah kos ialah RM1,800.</p> <p>ii. Bekal dan pasang tingkap ram kaca kabut jenis boleh laras/tetap/mati berbingkai aluminium dengan cat kilat lengkap dengan kelengkapan dan peralatan serta lain-lain kerja berkaitan. Kos pukal berjumlah RM2,500.</p>	<p>i. Hanya membekalkan 5 unit pintu sahaja. Tiada bukti 1 unit pintu lagi dibekalkan.</p> <p>ii. Tingkap yang dipasang adalah tingkap jenis bingkai kaca ("casement") bukan dari jenis ram kaca kabut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan tingkap di bahagian belakang dewan yang dipasang ialah 6 tidak mengikut reka bentuk pelan lukisan yang menetapkan bilangan 	149,700

Bil.	Butiran Projek	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM)
		iii. Berdasarkan Pelan Lukisan, binaan stor, tandas dan ruang menunggu perlu dibina di bahagian hadapan dalam dewan. iv. Berdasarkan Senarai Kuantiti dan Pelan Lukisan, tiada pentas dibina di dalam dewan.	tingkap adalah 8 unit. Rujuk Gambar 4.7 dan Gambar 4.8 . iii. Binaan stor, tandas dan ruang menunggu telah diubah dan dibina di bahagian belakang dalam dewan. iv. Pentas telah dibina di bahagian belakang dalam dewan.	
3.	Menaik taraf Gerai Di Pekan Kubu Gajah	i. Membina tandas lelaki dan wanita berserta kelengkapan dengan kos berjumlah RM28,000. ii. Kerja-kerja membuat bumbung daripada jenis awning G24 lengkap dengan segala kelengkapan yang berkaitan bernilai RM4,250. iii. Bekal dan pasang longkang konkrit 225mm separuh bulatan dan lain-lain kerja. Kos pukal berjumlah RM2,000.	i. Tiada sebarang pembinaan tandas dilaksanakan sebaliknya tandas tersebut telah dibina di lokasi lain iaitu bersebelahan Gerai Sementara Peniaga di Kubu Gajah. ii. Awning tidak dibina sebaliknya telah dibina di lokasi lain di belakang Gerai Sementara Peniaga di Kubu Gajah. iii. Tiada pembinaan longkang di lokasi projek sebaliknya telah dibina di lokasi lain di Gerai Sementara Peniaga di Kubu Gajah.	99,800

Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 28 Jun 2016, pihak MDS mengakui semua 39 projek telah siap, selesai bayaran kepada kontraktor dan terdapat kerja-kerja tambahan di luar skop asal telah dilaksanakan dan tiada spesifikasi kelulusan Arahan Perubahan Kerja. Bagaimanapun, MDS telah membuat penambahbaikan terhadap proses penyediaan Arahan Perubahan Kerja pada tahun 2016 setelah membuat semakan dengan Jabatan Teknikal dan menghadiri kursus.


Sumber: MPKK dan MDS

Gambar 4.1
Jubin Lama Bangunan Pameran
Tidak Diganti Baru




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pameran, Resort Sungai Perak
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 4.3
Tingkap Di Bahagian Belakang Surau
Seperti Di Pelan Lukisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau di Persisiran Sungai Perak
Tarikh: 24 Mac 2016

Gambar 4.5
Pintu Belakang Seperti Di Pelan Lukisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Niaga Di Taman Bunga Raya
Tarikh: 23 Mac 2016

Gambar 4.2
Pintu Pagar Hadapan Surau
Tiada Dalam Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau di Persisiran Sungai Perak
Tarikh: 24 Mac 2016

Gambar 4.4
Bilangan Tingkap Yang Dibina
Tidak Mengikut Pelan Lukisan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau di Persisiran Sungai Perak
Tarikh: 24 Mac 2016

Gambar 4.6
Pintu Belakang Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Niaga Di Taman Bunga Raya
Tarikh: 23 Mac 2016

Gambar 4.7
Reka Bentuk Tingkap Ram Kaca
Seperti Pelan Lukisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pelan Lukisan Dewan Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

Gambar 4.8
Tingkap Berbingkai Kaca
Yang Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

- b. Ketidakpatuhan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi tanpa APK adalah disebabkan kelemahan aspek pemantauan terhadap pelaksanaan kerja-kerja di tapak. Perkara ini juga boleh mengakibatkan kerugian kepada MPKK dan MDS sekiranya potongan bayaran tidak dikenakan kepada kontraktor terlibat.

4.4.2.2. Kerja Yang Dilaksanakan Di luar Skop

a. Kerja Menaik taraf Dewan Orang Ramai Di RPT Permai 2 Selama

- i. Semakan Audit terhadap Senarai Kuantiti bagi binaan Bangunan VIP Dewan Orang Ramai Di RPT Permai 2 Selama mendapati kos bekal dan pasang pintu panel 2 daun lengkap dengan kelengkapan berjumlah RM3,500. Bagaimanapun, terdapat tambahan kos pintu dari jenis kayu cengal bagi bangunan VIP tersebut sejumlah RM5,440 menyebabkan jumlah pintu terbabit meningkat kepada RM8,940.
- ii. Selain itu, termasuk dalam kos projek Menaik taraf Dewan Orang Ramai Di RPT Permai 2 yang bernilai RM450,000 ini juga adalah kerja-kerja menukar pintu masuk utama termasuk 15 unit daun pintu *solid door* bernilai RM13,100. Bagaimanapun, terdapat tambahan kos membekal dan memasang pintu utama jenis kayu cengal saiz 9' x 7' dan 6' x 7' masing-masing bernilai RM12,800 dan RM8,000 menjadikan tambahan kos keseluruhan pintu adalah RM20,800. Kesan peningkatan kos pintu bagi bangunan VIP dan pintu utama bangunan Dewan sejumlah RM26,240 ini telah menyebabkan kerja-kerja pendawaian elektrik dan pemasangan lampu taman (BOLLARD) dan lain-lain kerja berkaitan kawasan taman berjumlah RM18,000 tidak dilaksanakan. Tiada bukti APK diluluskan MDS bagi kerja-kerja tambahan di luar spesifikasi yang ditetapkan di dalam Senarai Kuantiti.

b. Cadangan Pembangunan Semula Gerai Di Hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah Selama

- i. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bertarikh 8 Januari 2015 mendapati jumlah bayaran sejumlah RM282,254 adalah termasuk tambahan caj kerja-kerja di luar skop bernilai RM2,004. Ini menyebabkan jumlah kos projek telah meningkat kepada RM297,004 berbanding kontrak asal sejumlah RM295,000. Tiada APK diluluskan oleh pihak MDS bagi kerja-kerja tambahan di luar spesifikasi yang ditetapkan di dalam Senarai Kuantiti. Pembinaan kerja di luar skop adalah seperti di **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**.

Gambar 4.9
Binaan Tambahan Di Luar Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Hadapan IPD Selama
Tarikh: 24 Februari 2016

Gambar 4.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Hadapan IPD Selama
Tarikh: 24 Februari 2016

- ii. **Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 28 Jun 2016, pihak MDS mengakui Arahan Perubahan Kerja tidak disediakan. Bagaimanapun, mulai tahun 2015 Arahan Perubahan Kerja telah disediakan selepas mengikuti kursus dan memperoleh pendedahan daripada pelbagai agensi.**

Pada pendapat Audit, setiap APK perlu dibuat dengan teratur dan mendapat kelulusan kerana ia melibatkan harga kontrak. Selain itu, pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (PSK) perlu dilaksanakan dengan lebih teliti sebelum mengesahkan bayaran penuh boleh dibuat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak mengikuti spesifikasi.

4.4.3. Kelemahan Pengurusan Kontrak

4.4.3.1. Arahan Memulakan Kerja Dikeluarkan Sebelum Surat Setuju Terima Ditandatangani

Mengikut peraturan, agensi hendaklah mengeluarkan arahan memulakan kerja kepada perunding selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Semakan Audit mendapati

MPKK telah mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada Seri Jurutera Perunding pada 4 Februari 2015 dan meminta perunding membuat nilai kos projek bagi membina *crematorium* dengan 2 *cremator* di tanah Perkuburan Hindu, Sungai Siput (U) mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan. Pihak perunding telah menyerahkan 15 set dokumen tender yang mengandungi *Bill of Quantities* (BQ) kepada MPKK pada 6 Mac 2015 iaitu sehari selepas SST ditandatangani iaitu pada 5 Mac 2015.

4.4.3.2. Bayaran Kepada Perunding Sebelum Perjanjian Ditandatangani

Peraturan menetapkan pembayaran kepada perunding tanpa perjanjian adalah dilarang sama sekali. Semakan Audit mendapati sehingga tamat pengauditan pada 31 Mac 2016, pembayaran interim oleh Unit Penyalaras Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri telah dibuat sebanyak 2 kali kepada perunding berjumlah RM106,804 atau 59.9%. Pada 13 April 2016, perunding telah menghantar tuntutan bayaran interim ketiga berjumlah RM35,601. Perunding juga turut membuat tuntutan imbuhan balik bagi kerja-kerja ukur dan penyiasatan tanah berjumlah RM16,300. Selain itu, semakan Audit turut mendapati perjanjian perkhidmatan perunding ditandatangani pada 19 April 2016 dengan kelewat selama 13 bulan 14 hari iaitu 2 bulan daripada tarikh SST. Kelemahan pelantikan perunding dan ketiadaan dokumen perjanjian yang ditandatangani mengakibatkan perunding yang dilantik tidak jelas dengan skop kerja, kos perkhidmatan, syarat-syarat pembayaran dan butiran lain yang berkaitan. Pihak MPKK juga sukar untuk memastikan peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya oleh perunding.

4.4.3.3. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, tindakan menandatangani perjanjian perkhidmatan perunding telah dibuat pada 19 April 2016. Kos pembayaran perunding sehingga 13 April 2016 ialah RM142,406 atau 79.9%. Pihak MPKK mengambil perhatian perkara ini dan akan membuat penambahbaikan di masa akan datang.

4.4.4. Kelemahan Pengurusan Bayaran

4.4.4.1. Projek Menaik taraf Kemudahan Di Rumah Rehat Kuala Kangsar Di Jalan Bukit Kerajaan bagi Membekal Dan Menghantar Perabot Serta Lain-Lain Berkaitan Di Rumah Rehat Kuala Kangsar adalah berjumlah RM348,811. Projek ini telah dibiayai melalui peruntukan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia. Semakan Audit mendapati wujud 2 salinan Invois dan 2 salinan Pesanan Penghantaran (*Delivery Order*) bertarikh 8 November 2012 dan 3 Januari 2013 dikepulkan di dalam fail sebut harga. Salinan pertama invois bertarikh 14 November 2012 menunjukkan nilai bekalan yang disahkan diterima berjumlah RM323,749. Manakala salinan invois kedua bertarikh 3 Januari 2013 berjumlah RM348,811 menyebabkan perbezaan sejumlah RM25,062. Semakan Audit mendapati bayaran sebenar oleh MPKK kepada pembekal melalui baucar bayaran bertarikh 28 November 2012 hanya berjumlah RM299,817. Bagaimanapun, Laporan Pengesahan Siap Kerja MPKK bertarikh 10 Oktober 2012 mengesahkan kelulusan bayaran untuk bekalan

yang diterima sepatutnya hanya bernilai RM200,000. Selain itu, sehingga tarikh akhir pengauditan tiada bayaran terhadap baki sejumlah RM48,994 dibuat dan status nilai sebenar bekalan tidak dapat disahkan.

4.4.4.2. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, nilai bekalan sejumlah RM323,749 adalah berdasarkan perabot yang dihantar ke Rumah Rehat pada 20 November 2012. Invois pembekal bertarikh 3 Januari 2013 menyatakan jumlah kontrak adalah RM348,811. Pengesahan siap kerja untuk bayaran sejumlah RM200,000 adalah berdasarkan peruntukan yang diterima melalui *electronic fund transfer* pada 10 Oktober 2012. Bagaimanapun sebelum bayaran dibuat pada 28 November 2012, MPKK menerima tambahan peruntukan sejumlah RM99,972. Ini menyebabkan MPKK membuat bayaran kepada pembekal sejumlah RM299,817 mengikut jumlah peruntukan yang diterima. Baki sejumlah RM48,994 masih belum dibayar dan dibayar melalui sebut harga baru.

4.4.4.3. Projek Kerja Menyudahkan Pemasangan Sistem Elektrik Serta Lain-Lain Berkaitan Di Bangunan Rumah Rehat 3 Tingkat, Kuala Kangsar yang ditawarkan melalui sebut harga adalah berjumlah RM198,000. Semakan Audit mendapati bayaran interim pada tahun 2012 oleh MPKK sehingga 5 Ogos 2016 adalah sejumlah RM187,022. Baki bayaran sejumlah RM10,978 tidak dibuat dan Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan oleh MPKK menyebabkan status projek tidak dapat disahkan. Selain itu, pihak Audit turut mendapati Inden Kerja tidak lengkap di mana ruangan tarikh perakuan siap kerja, tarikh pemeriksaan dijalankan oleh MPKK dan tarikh pengesahan MPKK tidak diisi. Kegagalan Inden Kerja diisi dengan lengkap boleh menyebabkan risiko pembayaran terhadap kerja yang belum siap sepenuhnya.

4.4.4.4. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, bayaran dibuat berdasarkan pengesahan siap kerja oleh perunding. Baki bayaran sejumlah RM10,978 merupakan bayaran kepada perunding yang belum dijelaskan.

4.4.5. Surat Perjanjian Penyewa Premis Tidak Disediakan/Tidak Diperbaharui/Tidak Lengkap

4.4.5.1. Surat Perjanjian merupakan kontrak ikat janji antara pemilik harta dengan penyewa yang mengandungi terma dan syarat penyewaan bangunan/harta. Perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani oleh penyewa dan MDS bagi menjaga kepentingan kedua pihak. Semakan Audit terhadap fail penyewa premis seperti gerai, kios dan bengkel di MDS mendapati sehingga tamat tempoh pengauditan, masih terdapat premis yang tidak mempunyai perjanjian, perjanjian tamat tempoh tidak diperbaharui dan perjanjian yang disediakan tidak lengkap. Butiran terperinci seperti di Jadual 4.5.

Jadual 4.5
Surat perjanjian Penyewa Premis Tidak Disediakan/Tidak Diperbaharui/Tidak Lengkap

Bil.	Butiran Premis	No. Premis	Tempoh Perjanjian Sewa	Tarikh Surat Tawaran Sewa	Status Surat Perjanjian Penyewa
1.	Kios Di Pusat Perniagaan Selama Jaya	K4, K5 dan K8	1.10.2013 hingga 31.12.2014	-	Tidak diperbaharui.
		K3	-	29.7.2015	Tidak disediakan.
2.	Gerai Peniaga Kecil di Jalan Taiping Kubu Gajah	P-5-4	1.6.2015 hingga 31.12.2017	-	Tidak lengkap kerana tiada tarikh
3.	Bengkel Di Jalan Menteri	P4, P5, P6 dan P7	-	12.2.2014	Tidak disediakan.
		No. 2 dan 3	1.1.2012 hingga 31.12.2014	-	Tidak diperbaharui.
		No. 11	1.7.2009 hingga 31.8.2012	-	Tidak diperbaharui.

Sumber: Fail Penyewa Premis MDS

4.4.5.2. Ketiadaan Surat Perjanjian Penyewa Premis boleh mengundang risiko dan kesukaran dalam menuntut balik tunggakan sewa. Semakan Audit terhadap kutipan sewaan premis MDS melalui Daftar Sewa mendapati 8 daripada 51 penyewa mempunyai tunggakan sewa termasuk GST berjumlah RM15,573. Butiran terperinci seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Tunggakan Sewa Premis

Bil.	Premis Perniagaan	No. Gerai	Kadar Sewa Bulanan (RM)	Jumlah Tertunggak (RM)	Tarikh Notis Terakhir
1.	Gerai Di Pekan Kubu Gajah, Selama	No.1	180	763	Tiada Notis Dikeluarkan
2.	Kios Di Pusat Perniagaan Selama Jaya, Selama	K5	100	616	12.08.2015
		K7	100	648	26.10.2015
		K8	100	1,460	14.01.2016
3.	K6 & K7 Pusat Perniagaan Kubu Gajah (Pusat Dialisis)	K6 & K7	3,000	9,540	06.01.2016
4.	Bengkel Di Jalan Menteri	No. 2	198	1,469	Tiada Notis Dikeluarkan
		P6	150	609	Tiada Notis Dikeluarkan
		No.11	180	468	Tiada Notis Dikeluarkan
Jumlah			4,008	15,573	

Sumber: Fail Penyewa Premis MDS

4.4.5.3. Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 26 Julai 2016, MDS akan membuat semula penyelarasan sewa dan sedang dalam proses penyeragaman tempoh sewaan dan menyediakan perjanjian sewa. Majlis Daerah Selama telah mewujudkan Bahagian Undang-Undang yang akan meneliti semua perjanjian sewa dan membuat penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan yang tidak mematuhi kehendak dan ketetapan peraturan, arahan, undang-undang dan perancangan yang ditentukan boleh menimbulkan risiko salah guna kuasa dan boleh menjaskan perlindungan terhadap hak-hak yang menjaga kepentingan Kerajaan selain mendedahkan kepada risiko penipuan.


4.4.6. Penggunaan Kemudahan Yang Dibina

4.4.6.1. Perolehan Kerja/Bekalan Tidak Mencapai Matlamat

Semakan Audit mendapati terdapat satu projek yang bernilai RM148,436 telah dilaksanakan tetapi tidak mencapai objektif sebenar pembinaan. Manakala 2 perolehan bekalan kios yang bernilai RM271,300 telah dibayar tetapi masih belum selesai diagihkan.

a. Ruang Niaga Di Taman Chandan Puteri Masih Kosong

- i. Objektif projek ini ialah membina bangunan ruang niaga berbumbung bagi mengumpulkan peniaga-peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan di dalam satu kawasan. Projek ini telah siap dilaksanakan pada 18 Ogos 2014. Lawatan Audit mendapati ruang niaga ini masih kosong seperti di **Gambar 4.11**. Peniaga masih lagi menjalankan perniagaan di tepi jalan di Taman Chandan Puteri seperti di **Gambar 4.12**. Perkara ini disebabkan peniaga enggan bermiaga di dalam ruang tersebut mengakibatkan objektif asal tidak tercapai.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Chandan Puteri
Tarikh: 23 Mac 2016

Gambar 4.12
Aktiviti Perniagaan Di Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Chandan Puteri
Tarikh: 23 Mac 2016

ii. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, MPKK mengambil perhatian akan perkara tersebut. Pendapatan peniaga merosot dan berkurangan selepas hampir sebulan berniaga menyebabkan peniaga berpindah semula ke bahu jalan. MPKK sentiasa berusaha untuk memanfaatkannya dengan memberi ruang kepada peniaga-peniaga secara bayaran permit seperti mengadakan ekspo selain telah menukar kegunaan ruang niaga tersebut menjadi Pusat Program Kemasyarakatan. Aktiviti seperti Konvokesyen Pra-Sekolah, Majlis Perkahwinan dan pelbagai program komuniti menggunakan tempat tersebut.

b. Perolehan Kios Penjaja

Semakan Audit terhadap perolehan kios penjaja oleh MPKK adalah melalui 2 tawaran sebut harga Membekal Kios Penjaja Di Jalan Lembah bernilai RM199,800 dan pembekalan kios di Pusat Penjaja Di Chandan Putri bernilai RM93,984.

i. Membekal Kios Penjaja Di Jalan Lembah

Berdasarkan Pesanan Tempatan bertarikh 27 Ogos 2013 yang dikeluarkan kepada pembekal terpilih, spesifikasi kios dan bilangan kios yang dikehendaki MPKK adalah dari 2 jenis iaitu Jenis A sebanyak 10 unit bernilai RM10,540 seunit dan Jenis B sebanyak 16 unit bernilai RM5,900 menjadikan kos kontrak keseluruhan ialah RM199,800. Semakan Audit mendapati tiada pengesahan penerimaan kios daripada pembekal oleh MPKK mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada daftar asset disediakan. Lawatan Audit mendapati hanya 9 unit kios diagihkan kepada penjaja di Jalan Lembah. Tujuh unit kios telah diagihkan kepada penjaja di Taman Bunga Raya dan 5 unit lagi diagihkan kepada penjaja di Chandan Putri. Baki 5 unit yang terdiri daripada 3 unit Jenis A dan 2 unit Jenis B masih tidak diagihkan, terbiar dan rosak di stor MPKK seperti di **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

Gambar 4.13
Kios Yang Tidak Diagihkan Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MPKK
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 4.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MPKK
Tarikh: 30 Mac 2016

ii. Membekal Kios Di Pusat Penjaja Di Chandan Putri

Semakan Audit mendapati termasuk dalam kerja-kerja Naik taraf Pusat Penjaja Di Chandan Putri bernilai RM93,984 adalah membekal kios perniagaan lengkap dengan meja bertingkat sejumlah 13 unit bernilai RM2,000 seunit dan kios tanpa meja bertingkat sejumlah 13 unit berharga RM3,500 seunit menjadikan kos perolehan kios bernilai RM71,500. Lawatan Audit mendapati hanya satu unit kios diagihkan kepada penjaja di Chandan Putri. Baki 8 unit kios diagihkan di Jalan Lembah dan di Taman Bunga Raya masing-masing 4 unit. Manakala 11 unit tidak diagihkan, terbiar dan rosak di stor MPKK seperti di **Gambar 4.15** dan **Gambar 4.16**.

Gambar 4.15
Kios Yang Tidak Diagihkan,
Terbiar Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MPKK
Tarikh: 30 Mac 2016

Gambar 4.16
Kios Yang Tidak Diagihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MPKK
Tarikh: 30 Mac 2016

iii. Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, berdasarkan pelarasian oleh MPKK jumlah kios yang dibekalkan di bawah projek naik taraf Pusat Penjaja Chandan Puteri adalah 21 unit bernilai RM3,500 seunit menjadikan kos perolehan kios di Chandan Putri berjumlah RM73,500. Selain itu, daftar aset dan pengagihan kios terbabit sedang dalam tindakan penambahbaikan MPKK. Pihak MPKK juga sedang dalam proses membaiki semula kios yang mengalami kerosakan. Lebihan kios akan diagihkan kepada peniaga-peniaga di Chandan Putri dalam satu projek Pusat Penjaja yang akan dibina pada September 2016.

4.4.6.2. Kemudahan Yang Dibina Tidak Disenggara

Setiap perolehan yang dilaksanakan perlulah disenggarakan dan dipantau keadaannya agar kerosakan yang serius tidak berlaku dan dapat mengelakkan pembaziran sekiranya pemberian yang sama berulang setiap tahun.

a. Resort Sungai Perak, Kuala Kangsar

- i. Semakan Audit terhadap Senarai Aset Tetap Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 turut mendapati aset MPKK di resort adalah terdiri daripada kos bangunan dan perabot/kelengkapan masing-masing berjumlah RM5.78 juta dan RM327,145. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir pengauditan, aset yang rosak dan tidak boleh digunakan kesan daripada banjir masih tidak dilupuskan dan masih direkodkan di dalam Penyata Kewangan MPKK Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015. Lawatan Audit turut mendapati perabot yang rosak dan tidak boleh digunakan masih tidak disenggara atau dialih seperti di **Gambar 4.17** hingga **Gambar 4.20**.

Gambar 4.17

Perabot/Karpet Rosak Kesan Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Sungai Perak
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 4.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Sungai Perak
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 4.19

Perabot/Kelengkapan Rosak Kesan Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Sungai Perak
Tarikh: 29 Mac 2016

Gambar 4.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Resort Sungai Perak
Tarikh: 29 Mac 2016

- ii. **Mengikut maklum balas daripada MPKK bertarikh 5 Ogos 2016, pada Jun 2016, perabot yang rosak dan tidak boleh digunakan telah diasingkan dan sedang dalam tindakan pelupusan.**

b. Dewan Terbuka Di Rancangan Perumahan Tersusun Permai 2, Selama

Projek menaik taraf ini mula dilaksanakan pada 17 April 2014 dan siap pada 7 Julai 2014 dengan kos kontrak berjumlah RM199,150. Kerja-kerja naik taraf adalah termasuk pembinaan tandas baru, pembinaan dinding bata, bekal dan pasang pintu dan pemasangan lampu dewan. Lawatan Audit mendapati tandas yang baru dibina bernilai RM69,800 telah rosak, pecah dan terbiar. Selain itu, pintu dewan juga telah rosak. Kerosakan ini mengakibatkan kemudahan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya selain akan meningkatkan kos penyenggaraan dari semasa ke semasa.

c. Baru Dewan Di Dataran Selama

i. Projek Membina Baru Dewan Di Dataran Selama mula dilaksanakan pada 9 Oktober 2013 dan siap pada 6 Januari 2014 dengan kos kontrak berjumlah RM149,700. Projek ini adalah termasuk pembinaan sebuah dewan lengkap dengan kemudahan tandas, stor dan ruang menunggu untuk tujuan sewaan kepada orang awam. Lawatan Audit pada 18 Februari 2016 mendapati basin basuh di dalam tandas telah rosak, pecah dan kotor, tingkap ruang udara tandas telah pecah, siling asbestos telah jatuh dan pintu dewan telah rosak seperti di **Gambar 4.21** hingga **Gambar 4.24**. Kerosakan ini mengakibatkan kemudahan ini tidak dapat digunakan, mendatangkan bahaya dan boleh menyebabkan kecurian.

Gambar 4.21
Basin Basuh Tandas Yang Rosak,
Pecah Dan Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Di Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

Gambar 4.22
Tingkap Ruang Udara Tandas
Yang Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Di Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

Gambar 4.23
Siling Asbestos Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Di Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

Gambar 4.24
Pintu Dewan Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Di Dataran Selama
Tarikh: 18 Februari 2016

- ii. **Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 28 Jun 2016, MDS sedang dalam usaha bekerjasama dengan pihak polis membuat rondaan berkala bagi membendung gejala kecurian dan vandalisme. Selain itu, MDS akan membuat penambahbaikan dengan menyerahkan dewan-dewan seliaan MDS kepada Jawatankuasa Penduduk kerana ia dilihat dapat mengurangkan isu vandalisme.**

d. **Dewan Di Taman Kaya Selama**

- i. Projek Membina Dewan Di Taman Kaya dilaksanakan pada 17 April 2014 dan siap pada 24 Julai 2014 dengan kos kontrak berjumlah RM198,610. Lawatan Audit pada 17 Februari 2016 dan 23 Februari 2016 mendapati 2 tingkap belakang dewan telah pecah, tombol pintu dewan telah rosak dan siling asbestos telah jatuh. Kerosakan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna dewan ini.
- ii. **Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 28 Jun 2016, perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Majlis untuk dibincangkan.**

Pada pendapat Audit, setiap projek yang telah dibina dan dinaiktaraf hendaklah disenggara bagi memastikan ianya dapat diguna, diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Selain itu, kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan perlu diperiksa dan disenggara secara berkala untuk memastikan ia berfungsi dengan sempurna dan selamat digunakan.

4.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MPKK adalah kurang memuaskan dan di MDS adalah memuaskan. Bagi meningkatkan urusan perolehan yang diamanahkan

dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan, MPKK dan MDS perlu mengambil tindakan segera untuk membuat penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, MPKK dan MDS adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

4.5.1. Memastikan semua perolehan kerja dipantau dan diperiksa dengan teliti agar kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan segala perubahan kerja daripada segi pertambahan, pengurangan atau penggantian perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengguna, dibuat secara bertulis dan hendaklah mematuhi kehendak peraturan yang berkuat kuasa.

4.5.2. Memastikan semakan dan pengesahan siap kerja dibuat dengan teliti oleh Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kewangan sebelum setiap bayaran diluluskan kepada kontraktor atau pembekal.

4.5.3. Memastikan setiap projek yang telah siap dibina, disenggara agar dapat digunakan secara optimum, keselamatan pengguna tidak terjejas dan memanjangkan jangka hayat kemudahan tersebut.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

25 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA